Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada tahun 1978 selepas tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1975, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM, beliau telah bekerja dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh (7) tahun, jawatan terakhir beliau adalah Pengawal Kewangan Kumpulan.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk IJM Plantations Berhad, Industrial Concrete Products Berhad, Malaysian South-South Corporation Berhad dan Grupo Concesionario del Oeste S.A. Beliau adalah juga Presiden COBRA (Combined Old Boys Rugby Association) sejak tahun 1995, dan Pemegang Amanah Perdana Leadership Foundation sejak tahun 2003.

Y. BHG. DATO' GOH CHYE KOON KMN, DSPN, JMN • B.Eng.(Civil)(Hons), MIEM, P.Eng.

Y. Bhg. Dato' Goh, dilahirkan pada Jun 1949, telah menjadi Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan IJM sejak 1 Januari 1997. Jawatan beliau telah ditukar kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 26 Februari 2004.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1973, dan berkhidmat sebagai jurutera di Kementerian Kerja Raya selama 11 tahun dan merupakan Jurutera Pengawasan sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Kanan pada tahun 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada tahun 1986 dan telah dilantik Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995 sebelum memegang jawatan semasanya. Beliau adalah juga Pengarah IJM Plantations Berhad.

Beliau adalah Presiden Master Builders Association Malaysia sejak 26 Jun 2004, dan merupakan Timbalan Presiden bagi sesi 2002/2004, Naib Presiden dari tahun 1990 sehingga 2002 dan Timbalan Setiausaha Agung dari tahun 1988 sehingga 1990. Beliau adalah juga ahli Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Malaysia (2004 - 2006) dan ahli Panel Perunding Pembinaan Perbadanan Produktiviti Negara (2003 - 2006). Beliau adalah ahli Majlis Perunding Presiden Lembaga Jurutera, Malaysia (2002 - 2004).

EN SOO HENG CHIN B.Eng.(Civil)(Hons), MIEM, MBA

En Soo, dilahirkan pada Januari 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1998 dan kemudiannya Pengarah Eksekutif Kumpulan pada 17 Mei 2001. Jawatan beliau telah ditukar kepada Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif sejak 26 Februari 2004. Beliau mengetuai Perkhidmatan Pembinaan di Ibu Pejabat menyelia Jabatan-jabatan Kontrak, Pembelian & Stor, Loji & Bengkel, Teknikal, Pengawalan Projek dan Sistem Kualiti & Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1978, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM pada tahun 1979 sebagai jurutera di Mudajaya Construction Sdn Bhd, beliau merupakan jurutera dengan Jabatan Saliran dan Pengairan, Pahang.

Profil Para Pengarah

(samb.)



**TAN SRI DATO' (DR) HAJI MURAD
BIN MOHAMAD NOOR**
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF
BEBAS KANAN

* Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan /
Jawatankuasa Audit / Jawatankuasa ESOS



DATUK OH CHONG PENG
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS
^ Jawatankuasa Audit



DATUK YAHYA BIN YA'ACOB
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS
^ Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan /
Jawatankuasa Audit

Y. BHG. TAN SRI DATO' (DR) HAJI MURAD BIN MOHAMAD NOOR PSM, DSDK, JMN, PMK, SMK, KMN • BA (Hons)(Mal), Dip.Ed.(Mal), Dip.Ed.Admin (Reading UK), Hon.D.Litt (Reading UK), Hon.D.Ed (USM Penang), Hon.D.Ed.Ph (IIU), Hon.D.Ed (UPSI)

Y. Bhg. Tan Sri Murad, dilahirkan pada April 1930, telah dilantik ke Lembaga pada 25 Julai 1985.

Beliau tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pendidikan dari Universiti Malaya masing masing pada tahun 1955 dan 1956, dan Diploma dalam Pendidikan & Pentadbiran dari University of Reading, United Kingdom pada tahun 1961. Beliau telah dianugerahkan Doktor Persuratan Kehormat pada tahun 1990 oleh University of Reading, dan Doktor Pendidikan Kehormat oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 1992.

Jawatan beliau pada masa lepas termasuk Ketua Pengarah Pendidikan (1976 - 1985), Pengurus Lembaga Pembangunan Bandar (1985 - 1988), Pengurus Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (1985 - 1990), Pengurus Majlis Universiti Sains Malaysia (1985 - 1992), dan Naib Presiden Universiti Islam Antarabangsa (1992 - 1995).

Y. BHG. DATUK OH CHONG PENG PJN, JSM • FCA

Y. Bhg. Datuk Oh, dilahirkan pada Julai 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 12 April 2002.

Beliau menjalani latihan perakaunan di London dan layak sebagai Akauntan Bertauliah pada tahun 1969 dan pada masa ini adalah ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales.

Beliau adalah rakan firma kanan Coopers and Lybrand (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari tahun 1974 sehingga beliau bersara pada tahun 1997. Beliau menyertai Coopers & Lybrand di London pada tahun 1969 dan di Malaysia pada tahun 1971. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur yang dilantik oleh Kerajaan dari tahun 1990 sehingga 1996, dan bekas Presiden (1994 - 1996) dan Ahli Majlis (1981 - 2002) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk Land & General Berhad (Pengerusi), Malaysian Plantations Berhad (Pengerusi), British American Tobacco (Malaysia) Berhad, IJM Plantations Berhad and Star Publications (Malaysia) Berhad. Beliau adalah juga Pemegang Amanah Huaren Education Foundation dan UTAR Education Foundation; dan Ahli yang dilantik oleh Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

Y. BHG. DATUK YAHYA BIN YA'ACOB PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS • B.A. (Hons), D.P.A. (Malaya), M.B.M. (Philippines)

Y. Bhg. Datuk Yahya, dilahirkan pada Januari 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 31 Mac 1999.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pentadbiran Awam dari Universiti Malaya masing-masing pada tahun 1967 dan 1970, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan dari Asian Institute of Management pada tahun 1976.

Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia melebihi 32 tahun, dengan lima (5) tahun yang terakhir memegang jawatan Ketua Setiausaha Agung Kementerian Kerja Raya sebelum beliau bersara pada tahun 1999. Jawatan-jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991 - 1994), Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kontrak) (1988 - 1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyalaras, Jabatan Perdana Menteri (1986 - 1988), dan Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kewangan) (1976 - 1986).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Emas Kiara Industries Berhad, LBI Capital Berhad, UDA Holdings Berhad dan Pelaburan Johor Berhad.



DATO' GOH CHYE KEAT
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF
^ Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan



DATO' ISMAIL BIN SHAHUDIN
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF



DATO' (DR) MEGAT ABDUL RAHMAN BIN MEGAT AHMAD
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

Y. BHG. DATO' GOH CHYE KEAT DSPN, JSM, DJN • Dip.Eng., P.Eng.

Y. Bhg. Dato' Goh, dilahirkan pada Disember 1941, merupakan salah seorang perintis Kumpulan, telah menjadi Pengarah bukan eksekutif sejak beliau bersara sebagai Pengarah Urusan Kumpulan IJM pada 31 Disember 1996. Beliau telah dilantik ke Lembaga pada 16 April 1984, dan menjadi Pengarah Urusan Kumpulan pada tahun 1988.

Beliau layak sebagai ahli Institution of Civil Engineers, United Kingdom pada tahun 1967 selepas memperolehi Diploma Kejuruteraan dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada tahun 1964, dan dianugerahkan Ahli Fellow Kehormat oleh University of Sydney, Australia pada tahun 1996. Beliau dianugerahkan Anugerah Pengusaha Cemerlang 2003 oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Beliau memulakan kerjayanya dengan Jabatan Kerja Raya dan berada di sana selama tiga (3) tahun sebelum menyertai Soon Tat & Co sebagai Pengurus Projek. Beliau meninggalkan Soon Tat & Co selepas tiga (3) tahun untuk menyertai Jurutama Sdn Bhd pada 1970, sebuah syarikat kemudian menjadi sebahagian daripada Kumpulan IJM.

Beliau adalah juga Pengarah Industrial Concrete Products Berhad.

Y. BHG. DATO' ISMAIL BIN SHAHUDIN DPCM, PMP • B. Econs(Hons)

Y. Bhg. Dato' Ismail, dilahirkan pada Januari 1951, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Oktober 2003 dan merupakan wakil Tronoh Consolidated Malaysia Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1974. Beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif Tronoh Consolidated Malaysia Berhad sejak 9 Oktober 2003.

Beliau adalah Ketua Eksekutif Kumpulan MMC Corporation Berhad ("MMC") dari 1 Ogos 2002 sehingga 31 Mac 2006. Sebelum menyertai MMC, beliau telah bekerja dengan Malayan Banking Berhad selama 10 tahun (1992 - 2002) dan sebagai Pengarah Eksekutifnya dari tahun 1997 sehingga 2002. Beliau adalah Timbalan Pengurus Besar United Asian Bank/Bank of Commerce Berhad (1988 - 1992), Pengurus Akaun Citibank Berhad (1979 - 1988) dan Pegawai Kewangan ESSO Malaysia Berhad (1974 - 1979).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Bank Muamalat Malaysia Berhad (Pengerusi), Kramat Tin Dredging Berhad, Malakoff Berhad, Malaysia Smelting Corporation Berhad, Tronoh Consolidated Malaysia Berhad dan MMC Engineering Group Berhad.

Y. BHG. DATO' (DR) MEGAT ABDUL RAHMAN BIN MEGAT AHMAD DSDK • B. Comm, FCA (AUST)

Y. Bhg. Dato' Megat, dilahirkan pada Ogos 1939, telah dilantik sebagai Pengarah pada 31 Oktober 2005 dan merupakan wakil Tronoh Consolidated Malaysia Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Melbourne, Australia. Beliau adalah ahli fellow Institute of Chartered Accountants di Australia, ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

Beliau mula berkhidmat dengan Institut Teknologi MARA sebagai pensyarah dari tahun 1962 sehingga 1966 dan menjadi Ketua Kajian dan Dekan Hal Ehwal Akademik pada tahun 1969. Beliau mempunyai pengalaman perakaunan secara profesional dengan Coopers & Lybrand, Sydney, Australia dari tahun 1966 sehingga 1969.

Pelantikan beliau sebelum ini termasuk Rakan Firma KPMG dan Rakan Firma Urusan KPMG, Desa, Megat & Co. dari tahun 1973 sehingga 1983. Beliau adalah Pengarah Eksekutif dan Pengarah Kewangan dalam Kumpulan Guthrie Berhad dari tahun 1983 -1994.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Press Metal Berhad (Pengerusi), Boustead Holdings Berhad, Integrated Rubber Corporation Berhad, Royal & Sun Alliance Insurance (M) Berhad, Tronoh Consolidated Malaysia Berhad dan UAC Berhad. Beliau adalah juga Pemegang Amanah Yayasan Tenaga Nasional.

Profil Para Pengarah (samb.)



EN TAN GIM FOO

PENGARAH SILIH GANTI KEPADA
MR SOO HENG CHIN



EN TEH KEAN MING

PENGARAH SILIH GANTI KEPADA
DATO' GOH CHYE KEAT

EN TAN GIM FOO B. Eng. (Civil) (Hons), P.Eng., MIEM

En Tan, dilahirkan pada Jun 1958, telah dilantik sebagai Pengarah silih ganti kepada En Soo Heng Chin, Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif IJM, pada 1 September 2005. Beliau adalah Pengarah Eksekutif IJM Construction Sdn Bhd sejak 1 Januari 2005 dan mengetuai pembinaan Unit-unit Projek di Malaysia.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1983.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Tapak Mudajaya Construction Sdn Bhd (1983 - 1986) sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Perancangan & Reka Bentuk (1986 - 1988), Pengurus Projek (1988 - 1994), Pengurus Kanan (1994 - 1997) dan Pengarah Projek sejak tahun 1998.

EN TEH KEAN MING PKT, B.E (Civil), P.Eng., MIEM

En Teh, dilahirkan pada April 1955, telah dilantik sebagai Pengarah silih ganti kepada Dato' Goh Chye Keat, Pengarah Bukan Eksekutif IJM, pada 1 September 2005. Beliau merupakan Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd sejak 1 Januari 2005 dan mengetuai Bahagian Hartanah IJM.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of New South Wales, Australia pada tahun 1981.

Beliau adalah Jurutera Residen Awam & Struktur Projek Dayabumi Fasa 3 (1981 - 1983) dan Malayan Banking Berhad (1983 - 1987) dan Jurutera/Pengurus Tapak Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987 - 1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989 - 1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994 - 1997) dan Pengarah Projek (1998 - 2001). Beliau adalah Pengurus Besar Kumpulan IJM Properties Sdn Bhd dari 1 April 2001 sehingga 31 Disember 2004.

Beliau adalah juga Pengarah Metech Group Berhad.

Nota:-

1. Tidak ada perhubungan kekeluargaan di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham utama Syarikat kecuali Dato' Goh Chye Keat dan Dato' Goh Chye Koon, yang merupakan adik-beradik.
2. Semua Pengarah adalah warganegara Malaysia.
3. Tidak ada seorang pun daripada para Pengarah yang mempunyai sebarang kepentingan kewangan dalam mana-mana pengaturan perniagaan yang melibatkan Kumpulan.
4. Semua Pengarah mempunyai rekod bersih berhubung dengan sabitan bagi kesalahan-kesalahan.

* Pengerusi Jawatankuasa.

^ Ahli Jawatankuasa.

Profil Pengurusan Kanan

EN MAH TECK OON

B.Eng. (Hons), P.Eng., MIEM

PENGARAH (BAHAGIAN INDUSTRI)

En Mah, dilahirkan pada November 1952, telah menjadi Ketua Bahagian Industri IJM sejak 1 Julai 1998, dan Ketua Pengarah Eksekutif & Pengarah Urusan Industrial Concrete Products Berhad sejak 20 September 2004.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1976.

Beliau telah berkhidmat dengan Kumpulan Hong Leong Malaysia selama 15 tahun. Dalam 10 tahun pertama beliau adalah Pengurus Besar bagi dua buah syarikat jubin seramiknya. Kemudiannya, beliau menjadi Pengurus Besar Kanan Bahagian Produk Konkrit Hume Industries (M) Berhad sebelum menyertai IJM pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar Kumpulan (Bahagian Industri)



EN DEBOJIT CHOWDHURY

B.Eng. (Civil)

PENGARAH PROJEK

En Chowdhury, dilahirkan pada Mac 1956, telah dilantik sebagai Pengarah Projek sejak tahun 1997, menyelia projek-projek pembinaan dalaman dan projek-projek khas.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of Singapore pada tahun 1981.

Beliau bermula sebagai Jurutera Projek IJM (1982 - 1989), Pengurus Projek (1990 - 1992), Pengurus Kanan (1993 - 1996) dan Pengarah Projek sejak tahun 1997. Beliau adalah ketua Unit Projek 4 (1998 - 2004) dan Unit Projek 3 (2004 - 2005) Bahagian Pembinaan.

Beliau sebelum ini terlibat dalam projek-projek penyeliaan di Bangladesh.



EN JEREMIE TING KENG FUI

MBA, FCIS

SETIAUSAHA SYARIKAT

En Ting, dilahirkan pada September 1957, menyertai IJM pada tahun 1982 dan telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 Julai 1994. Beliau mengetuai Jabatan Perkhidmatan Korporat, Sumber Manusia & Pentadbiran dan Sistem Maklumat.

Beliau adalah juga Setiausaha Syarikat Industrial Concrete Products Berhad dan IJM Plantations Berhad.

Beliau lulus peperiksaan The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) pada tahun 1981, selepas memperolehi Diploma dalam Asas Pentadbiran dari Chelmer Institute of Higher Education, Chelmsford, Essex, England pada tahun 1979, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA.

Beliau adalah Presiden Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) bagi tahun 2004 dan Ahli Majlis (1994 - 2004) serta penerima Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-MAICSA 2000 (Kategori Syarikat Tersenarai).



EN LOY BOON CHEN

MBA, CPA(M)

PENGARAH KEWANGAN

En Loy, dilahirkan pada Oktober 1951, telah dilantik sebagai Pengarah Kewangan pada 1 Julai 1998. Beliau juga merupakan Pengarah bukan eksekutif Guangdong Provincial Expressway Development Co. Limited, China, dan Pengarah silih ganti (kepada Dato' Goh Chye Koon) IJM Plantations Berhad.

Beliau mengetuai Jabatan Kewangan & Akaun, dan ahli Jawatkuasa Kecil Piawaian Perakaunan Federation of Public Listed Companies Berhad sejak tahun 1998.

Beliau menerima kelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada tahun 1978 dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA. Beliau berkhidmat dengan Ernst & Young selama tujuh (7) tahun sebelum menyertai Chong Kok Lin & Sons Berhad pada tahun 1980 sebagai Akauntan merangkap Setiausaha selama satu tahun. Pada tahun 1981, beliau menyertai Mudajaya Construction Sdn Bhd sebagai Ketua Akauntan sebelum dilantik sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan IJM pada tahun 1994.



Profil Pengurusan Kanan

(samb.)

EN NG CHIN MENG

B.Eng., MIEM, P.Eng., MIE Australia, CP Eng.

PENGARAH NEGARA (INDIA)



En Ng, dilahirkan pada Oktober 1956, tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) dari Australia pada tahun 1982.

Selepas tamat pengajian, beliau telah bekerja untuk Australian Road Board selama 1½ tahun sebelum kembali ke Malaysia untuk bekerja dalam beberapa firma perundingan Malaysia. Beliau terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan dan banyak projek kejuruteraan awam berat lain.

Beliau menyertai IJM (Industries) pada tahun 1994 sebagai Pengurus Kanan ke atas Projek-projek Jalan. Dari Mac 1997, beliau telah dihantar untuk menerajui Operasi India Kumpulan. Beliau pada masa ini adalah Pengarah Eksekutif IJM (India) Infrastructure Limited.

EN MANI A/L DORAISAMY

LLB (Hons), PgDip (Constr Law), RICS (Finals), MCIArb.

PENGURUS KANAN (UNDANG-UNDANG)



En Mani a/l Doraisamy, dilahirkan pada Januari 1951, menyertai semula Syarikat sebagai Pengurus Kanan (Undang-undang) pada 2 Januari 1996 dan mengetuai Jabatan Undang-undang.

Beliau merupakan penolong juruukur bahan dengan IJM apabila beliau meninggalkannya untuk ke United Kingdom pada tahun 1984 bagi meneruskan pengajian undang-undang. Manakala di sana beliau lulus Peperiksaan Akhir Royal Institute of Chartered Surveyors dalam kategori QS dan kajian Lepasan Ijazah dalam Undang-undang Pembinaan di Kings College, University of London. Beliau kemudiannya menduduki peperiksaan Chartered Institute of Arbitrators dan telah diterima masuk sebagai ahli pada tahun 1994. Beliau merupakan Perunding dengan Peguamcara Sri Kanth & Co., United Kingdom (1992 - 1995) sebelum memegang jawatan semasanya di IJM.

IR. YEO POH MENG

P.Eng., MIEM, C.Eng., M.I.Mech.E.

PENGARAH URUSAN (TORSO SDN BHD)



En Yeo, dilahirkan pada Oktober 1952, telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Torsco Sdn Bhd pada tahun 2001.

Beliau tamat pengajian dengan Diploma dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada tahun 1972 dan kemudian layak sebagai Jurutera Mekanikal.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1972 dengan Jabatan Kerja Raya. Pada tahun 1976, beliau menyertai sektor swasta dan mengumpul 15 tahun pengalaman dalam pengurusan projek & pemasaran produk-produk kejuruteraan & perkhidmatan bagi industri penjanaan kuasa serta industri petrokimia, minyak & gas.

Pada tahun 1991, beliau menyertai IJM sebagai Pengurus Kanan di Bahagian Industri dan ditukar ke Torsco Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar pada tahun 1995 dan telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutifnya pada tahun 1998 sebelum memegang jawatan semasanya. Beliau adalah Juruaudit Persatuan Pengilang Peralatan dan Mesin Berat Malaysia (HEMMAM) bagi sesi 2006/2007.

EN LIEW HAU SENG

B.Eng. (Civil)

PENGARAH PROJEK

En Liew, dilahirkan pada Oktober 1965, telah dilantik sebagai Pengarah Projek Bahagian Pembinaan sejak 1 Januari 2006.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1989.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera IJM (1989 - 1994), Jurutera Kanan (1995 - 2002), Ketua Unit Projek (2003 - 2005), termasuk tugas berjangka masa pendik sebagai Pengurus Projek kepada projek Mumbai-Pune Expressway di India.

Beliau pada masa ini menyelia projek-projek pembinaan Kumpulan di dalam kawasan utara.



TUAN HAJI MOHD RAZIN BIN GHAZALI

B.Sc. (Civil Eng.)

PENGARAH NEGARA (TIMUR TENGAH & PAKISTAN)

Encik Razin, dilahirkan pada September 1965, telah dilantik sebagai Pengarah Negara (Pakistan) pada 1 Jun 2006 selepas menyertai semula IJM sebagai Pengarah Projek Bahagian Pembinaan pada 1 Disember 2005.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Awam) dari Amerika Syarikat pada tahun 1988.

Selepas tamat pengajian, beliau bekerja untuk Norfolk City Hall, Virginia, USA sebagai jurutera pelatih sebelum kembali ke Malaysia untuk bekerja dalam beberapa syarikat pembinaan Malaysia. Beliau menyertai IJM pada tahun 1989 sebagai Jurutera Tapak, dan Pengurus Pembinaan (1993 - 1996), Pengurus Projek (1996 - 1998), Pengurus Kanan (1998 - 2003) dan Pengarah Projek (2003 - 2004). Beliau merupakan Pengurus Besar Ranhill Engineers & Constructors Sdn Bhd (2004 - 2005).

Pada masa kini, beliau menerajui operasi Kumpulan di Timur Tengah dan Pakistan.



EN ONG TENG CHENG

B.Eng. (Civil) (Hons)

PENGARAH PROJEK

En Ong, dilahirkan pada Ogos 1961, telah dilantik sebagai Pengarah Projek Bahagian Pembinaan sejak 1 Januari 2006.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1986.

Beliau adalah Jurutera Tapak/Ejen Tapak sebelum menyertai IJM pada tahun 1991 sebagai Jurutera Tapak. Beliau berkhidmat dalam beberapa projek sebagai Pengurus Projek (1994 - 1999), Pengurus Projek Kanan (1999 - 2005) sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Projek.

Sebahagian daripada projek yang dijalankan oleh beliau termasuk Lebuhraya Utara-Selatan, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (Kerja-kerja Tanah Besar-besaran, Landasan Kapal Terbang 2 & Laluan Teks), dan Monorail KL (asas, superstruktur & jambatan gerbang keluli).



EN SZETO WAI LOONG

MBA, Dip.(Civil Eng.)

PENGARAH PROJEK

En Szeto, dilahirkan pada Disember 1958, telah dilantik sebagai Pengarah Projek Bahagian Pembinaan sejak 1 Januari 2006.

Beliau tamat pengajian dengan Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Federal Institute of Technology, Kuala Lumpur pada tahun 1982 dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Charles Stuart University, Australia.

Beliau bermula sebagai Jurutera Kadet/Juruukur Bahan pada tahun 1978, Ejen Tapak merangkap Juruukur Tanah (1982 - 1984), Penyelaras Projek (1984 - 1987) dan Pengurus Projek (1988 - 1994). Beliau menyertai IJM pada tahun 1994 sebagai Penyelia Kanan dan telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Pembinaan (1996 - 1999). Beliau merupakan Pengurus Pembinaan Kanan (2000 - 2003) dan Pengurus Kanan (Projek) (2003 - 2005).


Beliau pada masa ini adalah Pengarah Projek bertanggungjawab bagi pembinaan Pusat Awam bagi Municipal Corporation of Delhi, New Delhi, India.





Carta Organisasi Kumpulan

LEMBAGA PENGARAH



KHIDMAT SOKONGAN KUMPULAN

Kiri ke kanan: Mohammad Albakri bin Tajuddin, Devaraj Govindarajoo, Lyndon Alfred Felix, Loy Boon Chen, Wong Hong Fay, Soo Heng Chin, Jeremie Ting Keng Fui, Mani a/l Doraisamy, Ng Yoke Kian, Pang Mok Shyan dan Siva Kumar s/o Rajappan

Penyata Pengerusi



"... strategi-strategi 'menceburi pasaran antarabangsa' nya, memperoleh kejayaan besar dalam mendapatkan beberapa kontrak pembinaan utama dan kontrak bina-kendali-pindah (BOT) di India dan Dubai."

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
Pengerusi

PENGENALAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah IJM Corporation Berhad, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Mac 2006.

PERSEKITARAN OPERASI

Pada tahun 2005, ekonomi global terus berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 4.3%, selepas menikmati pertumbuhan luar biasa sebanyak 4.8% pada tahun 2004. Pertumbuhan tersebut adalah menakjubkan mengambil kira keadaan kos tenaga yang lebih tinggi, kenaikan kadar faedah dan gangguan daripada bencana alam.

Pada tahun 2005, harga petroleum mentah serta logam-logam asas dan komoditi-komoditi lain terus meningkat tanpa henti. Malaysia tidak terlepas daripada inflasi yang tercetus akibat kenaikan berterusan ini. Kadar inflasi negara meningkat lebih daripada dua kali ganda daripada 1.4% pada tahun 2004 kepada 3% pada tahun 2005. Lonjakan harga petroleum mentah telah mewajarkan penyelarasan menaik sebanyak tiga kali dalam harga bahan api di sebalik subsidi besar kerajaan. Bank Negara Malaysia, buat pertama kalinya dalam tempoh tujuh

tahun, telah menaikkan Kadar Polisi Semalamannya (OPR) sebanyak 30 mata asas kepada 3.0% pada 30 November 2005. OPR dinaikkan dua kali lagi sebanyak 25 mata asas masing-masing pada 22 Februari 2006 dan 26 April 2006 dan kenaikan selanjutnya dijangka akan berlaku. Walaupun kadar faedah telah meningkat, keadaan monetari masih kekal menyokong kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negeri.

Di sebalik kejutan-kejutan ini, Ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 5.3%, meskipun merosot daripada tahap tinggi 7.1% pada tahun 2004. Pertumbuhan Malaysia terutamanya dipacu oleh sektor swasta dan dikuatkan pula oleh dasar makroekonomi yang menyokong, serta keadaan kewangan yang menggalakkan. Walaubagaimanapun sektor pembinaan terus mengelut bagi tahun kedua berturut-turut, mengelut sebanyak 1.6% (2004: 1.5%). Terdapat pengurangan besar dalam kegiatan kejuruteraan awam pada tahun 2005 disebabkan oleh penyiapan projek-projek infrastruktur besar dan kekurangan projek-projek baru Kerajaan. Prestasi sektor pembinaan bagi suku pertama 2006 berterusan lempar dengan pencatatan pertumbuhan negatif sebanyak 1.8%.

Penyata Pengerusi

(samb.)

KEPUTUSAN OPERASI

Di sebalik persekitaran perniagaan yang kurang menggalakkan di peringkat tempatan, bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006 (FY 2006), Kumpulan telah mencapai hasil sebanyak RM1,665.86 juta (2004/05 disetahunkan: RM1,441.83 juta), keuntungan pra-cukai sebanyak RM259.77 juta (2004/05 disetahunkan: RM227.05 juta) dan keuntungan bersih sebanyak RM160.43 juta (2004/05 disetahunkan: RM148.39 juta) yang kesemuanya rekod tertinggi bagi Kumpulan.

Mengambil kira persekitaran yang sukar bagi perniagaan tempatan Kumpulan, Kumpulan telah memperhebatkan strategi-strategi ‘mencebur’ pasaran antarabangsa’ nya, memperoleh kejayaan besar dalam mendapatkan beberapa kontrak pembinaan utama dan kontrak bina-kendali-pindah (BOT) di India dan Dubai. Bahagian Harta juga telah membuat beberapa pembelian tanah strategik dan

berturusan dan kebanyakan bahan-bahan binaan. Perniagaan harta kami terus menyaksikan permintaan yang baik menyumbang kepada prestasi rekodnya manakala Kumpulan Industrial Concrete Products Berhad juga turut meningkat prestasinya. Bahagian Perladangan telah terjejas oleh harga CPO yang lebih rendah, peningkatan kos input seperti diesel dan baja dan kenaikan cukai negeri. Peningkatan 13% dalam pengeluaran FFB telah mengurangkan kesan buruk pertumbuhan negatif ini.

Ulasan Operasi Ketua Pengawai Eksekutif kami (muka surat 36 hingga 57) menyediakan butir-butir lanjut prestasi bahagian kami.

TINJAUAN PERNIAGAAN DAN STRATEGI-STRATEGI OPERASI BAGI FY 2007

Prospek ekonomi tahun 2006 adalah ke arah pengembangan global yang kekal positif, meskipun tidak sekukuh kadar pengembangan tahun 2005.



Cerucuk ICP diguna untuk menyokong pembinaan pelabuhan di Bangladesh



Rumah super berangkai Casa Impiana, Johor

telah menandatangani beberapa usaha sama bagi projek-projek baru di India. Bahagian Industri, sambil memperhebatkan inisiatif eksportnya, juga telah membuat pelaburan besar di luar negeri, terutamanya di India dan China.

Di peringkat tempatan, hanya satu projek luar utama telah diperolehi oleh Bahagian Pembinaan disebabkan oleh peluang-peluang bekalan yang terbatas. Sektor pembinaan terus terjejas oleh persaingan sengit dan margin yang rendah di peringkat bida manakala risiko perniagaan telah meningkat akibat kenaikan harga bahan api

Tabung Mata Wang Antarabangsa meramalkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 7% di kawasan Asia Pasifik tahun ini, tidak berubah sejak tahun 2005, disokong oleh pengembangan ekonomi yang mantap di kebanyakan negara di rantau ini. Walau bagaimanapun, ramalan tersebut juga menyebut risiko-risiko tertentu seperti kenaikan harga minyak, keadaan kewangan global yang semakin ketat, ketidakseimbangan akaun semasa global, bencana alam dan potensi tercetusnya wabak selesema burung sebagai faktor yang boleh melembapkan pertumbuhan. Namun demikian, kami berasa lega memandangkan pendedahan antarabangsa kami



Satu lagi projek besar disiapkan - jambatan gantung kabel merintangi Sg Prai, Pulau Pinang

adalah kepada pasaran-pasaran yang mempunyai pertumbuhan mapan yang sangat tinggi yang memerlukan perbelanjaan berterusan ke atas infrastruktur, iaitu India, China, Pakistan dan Negara-negara Teluk.

Di Malaysia, Bank Negara Malaysia meramalkan KDNK akan tumbuh pada kadar 6%, didorong oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan, pengukuhan eksport dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Industri pembinaan boleh mengharapkan masa hadapan yang lebih cerah memandangkan Rancangan Malaysia Kesembilan akan menyediakan lebih banyak peluang kerja dalam pasaran dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Sekiranya sistem penyerahan kerajaan boleh membawa kerja-kerja ke pasaran dengan cepat, ini dapat memastikan sektor tersebut memenuhi pertumbuhan KDNK mengikut sektor sebanyak 1% (*sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2005*) selepas kemerosotan suku pertama sebanyak 1.8%. Walau bagaimanapun, bagi FY 2007, tumpuan kami untuk mendapat kerja adalah pada sektor swasta terutamanya pasaran kondominium berprestij di mana faktor-faktor kualiti dan penyiapan akan dititikberatkan dalam pemilihan kontraktor.

Kumpulan pada masa ini mempunyai buku tempahan yang banyak. Buat pertama kali dalam sejarah Kumpulan, buku tempahan daripada operasi luar pesisir kami membentuk lebih daripada separuh daripada jumlah buku tempahan kami. Selanjutnya, dengan ekonomi mereka yang teguh dan penekanan ke atas infrastruktur, India dan Negara-negara Teluk menawarkan peluang-peluang yang baik kepada Kumpulan untuk meningkatkan buku tempahannya dalam FY 2007. Dengan buku tempahan yang kukuh, penekanan tahun semasa

akan tertumpu pada pelaksanaan kerja yang berkesan dari segi kos dan cekap.

Bahagian Harta sekali lagi dijangka akan memperkenalkan prestasi yang baik dalam FY 2007. Beberapa projek akan dilancarkan di Malaysia dan India. Bahagian ini akan terus aktif mendapatkan projek-projek baru dan berdaya saing terutamanya melalui usaha sama manakala penyerahan akan ditekankan.

Bahagian Industri harus memanfaat daripada peningkatan eksport serta permintaan daripada peningkatan sektor pembinaan Malaysia. Hasil daripada penceburan luar negeri harus juga bertambah baik.

Bahagian Perladangan harus sekali lagi menyaksikan peningkatan FFB dan pengeluaran minyak sawit mentah mengambil kira peningkatan keluasan ekar kawasan matang serta kematangan pokok kelapa sawit. Sekiranya harga CPO boleh dikekalkan pada paras semasa, bahagian ini harus menyaksikan prestasi yang lebih baik. Pengembangan simpanan tanah ke Indonesia dijangka akan dimuktamadkan dalam FY 2007.

Disebabkan oleh peringkatnya yang masih awal dan dengan banyak pelaburan masih di bawah pembangunan, Bahagian Infrastruktur akan terus mengalami kerugian dalam jangka pendek. Pelaburan-pelaburan ini walau bagaimanapun akan mengeluarkan pendapatan berulang yang banyak pada tahun-tahun akan datang.

Status cadangan pelaburan penting Kumpulan adalah seperti berikut:-

- i) Pada 30 Mei 2005, Syarikat menandatangani Perjanjian Pembelian Saham (SPA) untuk membeli 118,373,600 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Kumpulan Europlus Berhad (KEB) mewakili 25% daripada kepentingan ekuiti dalam KEB daripada pemegang-pemegang saham tertentu KEB bagi jumlah balasan tunai sebanyak RM33,144,608 atau RM0.28 setiap saham. Selain daripada itu, Syarikat telah diberikan opsyen beli untuk membeli 5% lagi kepentingan ekuiti dalam KEB. Penyelesaian SPA telah dilanjutkan lagi ke 30 November 2006 menunggu pemenuhan syarat-syarat duluan, yang termasuk pemuktamadkan syarat-syarat cadangan perjanjian konsesi bagi Konsesi Lebuhraya Pantai Barat Semenanjung Malaysia oleh KEB.

Penyata Pengerusi (samb.)

ii) Pada 30 September 2005, Syarikat telah menandatangani Perjanjian Muktamad dengan Antah Holdings Berhad (Antah), KASEH Lebuhraya Sdn Bhd (KASEH) dan Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd (LEKAS) bagi Syarikat untuk mengambil bahagian dalam Konsesi bagi lebuh raya baru sepanjang 48 km yang menghubungkan Kajang ke Seremban bagi tempoh 33 tahun. Syarikat akan mengambil bahagian dalam Konsesi melalui cara melanggan sebanyak RM50 juta saham biasa baru bernilai RM1 sesaham, mewakili 50% daripada ekuiti, dan RM200 juta 7% Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus (RCULS)



Raintree Park - pembangunan harta sulung IJM di Hyderabad, India

dalam LEKAS. Syarikat akan memberikan Antah opsyen beli untuk membeli sehingga 50% daripada RCULS. LEKAS diharatkan untuk menjadi alat kegunaan khas untuk melaksanakan dan menjalankan Konsesi yang akan dinovasikan oleh KASEH dan ini telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Antah. Terma-terma Konsesi disemak masih menunggu pemuktamadan daripada Kerajaan.

DIVIDEN

Dividen interim pertama sebanyak 5% atau 5 sen setiap saham tolak cukai sebanyak 28% telah diumumkan dan dibayar pada 10 Februari 2006 dan dividen interim kedua dan terakhir sebanyak 10%

atau 10 sen setiap saham tolak cukai sebanyak 28% telah diumumkan kepada pemegang-pemegang saham berada dalam daftar pada 31 Julai 2006 dan akan dibayar pada 18 Ogos 2006. Disebabkan oleh peningkatan dalam aras modal, kuantum dividen telah meningkat daripada RM49.48 juta kepada RM52.74 juta. Ini mewakili nisbah pembayaran sebanyak 31.76%. Kadar dividen bagi tahun 2005/06 telah dikekalkan pada 15% di sebalik perbelanjaan aliran tunai yang besar bagi pelaburan jangka panjang dan peningkatan komitmen modal.

CADANGAN KORPORAT

Pada 12 Oktober 2004, Syarikat telah mengumumkan terbitan hak boleh lepas sehingga 100,944,400 waran baru pada harga terbitan indikatif sebanyak RM0.05 setiap waran berdasarkan satu (1) waran baru bagi setiap lima (5) saham sedia ada yang dipegang dalam Syarikat. Selain daripada itu, Syarikat juga telah mengumumkan penerbitan sehingga 10,000,000 waran baru kepada kakitangan pengurusan Kumpulan berlayak pada harga terbitan indikatif yang sama. Pada penutupan penerimaan dan pembayaran, 100% penerimaan telah dicapai. Waran-waran telah diterbitkan pada harga terbitan RM0.05 setiap waran. Harga pelaksanaan telah ditetapkan pada RM4.80. Setiap waran memberikan kepada pemegang berdaftar hak untuk melanggan satu (1) saham biasa baru pada bila-bila masa dari 23 Ogos 2005 hingga 22 Ogos 2010. Waran-waran telah disenaraikan pada 2 September 2005. Semua pendapatan daripada waran-waran telah digunakan untuk tujuan modal kerja.

URUS TADBIR KORPORAT

Penyata mengenai Urus Tadbir Korporat kami boleh didapati pada muka surat 58 hingga 66.

Tiada sanksi dan/atau penalti yang dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikatnya, para pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan berkanun berkaitan pada 2005/06.

URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Urus niaga pihak berkaitan utama Kumpulan bagi tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan. Nota ini juga membentangkan urus niaga berulang yang dilakukan dalam tempoh selaras dengan mandat am yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 10 Ogos 2005.



Kilang Minyak Sawit Sabang di Sabah - diperakui oleh MPOM bagi pencapaian kadar pengekstrakan minyak sawit tertinggi pada 2005

Selain dari yang dibentangkan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan, tidak ada kontrak material Kumpulan melibatkan kepentingan para pengarah dan pemegang-pemegang saham utama dalam tempoh masa berkenaan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kumpulan IJM sentiasa prihatin terhadap kesan operasinya ke atas masyarakat. Pelantar tanggungjawab sosial korporat (CSR) utama Kumpulan akan terus memberikan keutamaan kepada kebajikan kakitangan, alam sekitar, pendidikan, pembangunan sukan, komuniti dan pembangunan negara. Kumpulan IJM akan terus mengenal pasti kegiatan-kegiatan di mana sokongan kami boleh menghasilkan perbezaan sebenar. Dengan menyepadan nilai-nilai sosial dalam membuat keputusan perniagaan kami, Kumpulan IJM berhasrat untuk mencapai hasil yang positif dan mapan bagi perniagaan, alam sekitar dan komuniti umum. Satu contoh matlamat ini adalah usaha baru-baru ini untuk mendapatkan pensijilan ISO 14001:2000 bagi sistem pengurusan alam sekitarnya yang berjaya diperolehi oleh Syarikat, IJM Construction Sdn Bhd dan Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd. Maklumat lanjut mengenai kegiatan-kegiatan CSR lain telah disediakan dalam seksyen-seksyen lain laporan ini.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pengarah, pihak pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan atas komitmen padu dan sumbangan mereka ke arah kejayaan berterusan Kumpulan kita. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, rakan-rakan sekutu, klien-klien, jurubank-jurubank, subkontraktor-subkontraktor dan pembekal pembekal atas sokongan berterusan mereka kepada Kumpulan.


Lembaga dan saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kami atas perkhidmatan yang diberikan oleh En Abd Hamid Bin Othman yang telah meletak jawatan daripada Lembaga pada 13 September 2005. Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan Lembaga, Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman Bin Megat Ahmad yang telah dilantik sebagai Pengarah bukan eksekutif pada 31 Oktober 2005, dan En Tan Gim Foo, Pengarah Eksekutif IJM Construction Sdn Bhd, dan En Teh Kean Ming,

Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd, yang telah dilantik masing-masing sebagai pengarah silih ganti kepada En Soo Heng Chin dan Dato' Goh Chye Keat pada 1 September 2005. Saya yakin kesemua rakan-rakan baru ini akan menggabungkan pengalaman mereka yang begitu banyak serta kebijaksanaan mereka semasa perbincangan.

Dato' Goh Chye Keat, seorang anggota pengasas Jurutama Sdn Bhd dan Syarikat, pengarah dan bekas Pengarah Urusan Kumpulan IJM telah menyampaikan notis tidak memohon untuk dipilih semula ke Lembaga pada AGM akan datang baru-baru ini. Dato' Goh telah memberikan sumbangan yang sangat besar kepada pertumbuhan Kumpulan IJM sejak penubuhannya dan lebih penting, dalam menubuhkan atas profesionalisme, integriti dan urus tadbir korporat Kumpulan yang ditunjukkan dalam perniagaan Kumpulan. Bagi pihak lembaga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih cukup istimewa kepada Dato' Goh dan semoga beliau sihat sejahtera dan beroleh kejayaan dalam persaraan 'kedua' beliau.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob
Pengerusi

Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif



Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan



PENGENALAN

Bermula tiga tahun yang lepas, Kumpulan telah mula merumuskan beberapa strategi dalam jangkaan kemungkinan berlaku kelembapan dalam pasaran pembinaan dalam negeri mengambil petanda bahawa 'disiplin fiskal' dan 'pengukuhan fiskal' yang sering disebut oleh pemimpin-pemimpin politik akan bermakna peluang-peluang berkurangan dalam sektor infrastruktur dan bangunan yang dibiayai kerajaan pada masa hadapan. Antara strategi-strategi ini, yang berikut adalah ketara:

1. Mengembang secara terpilih dan pantas perniagaan harta dalam negeri kami, sebaik-baiknya dengan komitmen modal jangka panjang yang minimum dalam simpanan tanah. Projek-projek harus juga mempunyai kandungan pembinaan yang besar agar keupayaan terbiar akan datang Kumpulan dapat digunakan sepenuhnya.
2. Menerima pakai strategi pembidaan luar negeri yang lebih agresif terutamanya di India di mana kami sangat biasa dengan pasaran tersebut, sambil mencari kawasan-kawasan baru seperti Negara-negara Teluk.

3. Membawa perniagaan tempatan kami ke peringkat antarabangsa untuk memperluaskan keseluruhan pasaran iaitu sama ada eksport produk-produk kami atau melabur di luar pesisir untuk mengambil kesempatan daripada ledakan pasaran luar negeri.
4. Bagi tempoh jangka panjang, memberi tumpuan ke atas pembinaan potensi pendapatan berulang bagi pelaburan infrastruktur terutamanya dalam pasaran-pasaran baru muncul yang mempunyai pertumbuhan tinggi.

Pada tahap ini, strategi-strategi ini akan terus dilaksanakan dengan baik oleh warga kerja kami. Akibatnya, di sebalik keadaan perniagaan yang sangat mencabar bagi perniagaan teras kami di peringkat dalam negeri, Tahun kewangan (FY) 2006 merupakan tahun yang baik bagi Kumpulan IJM. Dan, sekiranya tiada kejutan-kejutan luar, Kumpulan bersedia untuk meningkatkan prestasi pada masa hadapan.

PEMBINAAN

“ ... keuntungan pra cukai meningkat kepada RM105.96 juta (2004/05 disetahunkan: RM88.63 juta), peningkatan sebanyak 19.55% berpunca sebahagiannya daripada pengiktirafan keuntungan pembinaan daripada kontrak konsesi dan keuntungan selebihnya daripada projek-projek yang telah siap dibina ... ”

HARTANAH

“ ... Keuntungan pra cukai sebanyak RM95.62 juta (2004/05 disetahunkan: RM70.40 juta) berdasarkan jumlah dagangan sebanyak RM517.22 juta (2004/05 disetahunkan: RM383.07 juta), masing-masing mewakili peningkatan sebanyak 35.82% dan 35.02% berbanding tahun kewangan sebelumnya, menggambarkan bahawa strategi-strategi perniagaan kami sangat berkesan ... ”



INDUSTRI

“ ... Kegiatan perniagaan Bahagian ini terbukti berdaya tahan apabila ia menjadi semakin kukuh di sebalik pengecutan berterusan dalam sektor pembinaan. Bagi FY 2006, Bahagian ini mencatat jumlah dagangan sebanyak RM538.97 juta dan keuntungan pra cukai sebanyak RM50.29 juta ... ”

PERLADANGAN

“ ... Prestasi yang berterusan dalam kedua-dua hasil operasi dan keberuntungan, di sebalik harga produk sawit yang agak rendah, cukai jualan Negeri yang lebih tinggi dan lonjakan harga baja dan bahan api, adalah berpunca daripada peningkatan pengeluaran tanaman ... ”

INFRASTRUKTUR

“ ... Pada 28 Februari 2006, satu lagi kejayaan telah dicapai apabila Syarikat, dalam usaha sama 50:50 dengan Shapoorji Pallonji & Co., India menerima surat penerimaan daripada Lembaga Lebuh Raya Kebangsaan India (NHA) ... ”

Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)

PEMBINAAN

“ ... Tumpuan Bahagian ini ke atas pasaran luar negeri membawa satu lagi tahun yang berjaya dalam menambah lagi buku tempahan, mendapat kontrak melebihi RM1.0 bilion bagi dua tahun berturut-turut ... ”



PASUKAN PENGURUSAN PEMBINAAN

kiri ke kanan: Chow Kok Kong, Ong Teng Cheng, Liew Hau Seng, Quah Beng Teong, Debojit Chowdhury dan Tan Gim Foo

Pada tahun 2005, sektor pembinaan dalam negeri berterusan merosot, mengecut 1.6% di sebalik pertumbuhan KDNK sebanyak 5.3%. Pengecutan ini adalah berpunca daripada penurunan ketara dalam kegiatan kejuruteraan awam disebabkan oleh penyiapan projek-projek infrastruktur besar di negara ini, dan kekurangan peluang-peluang baru apabila polisi pengukuhan fiskal Kerajaan menghentikan begitu banyak projek-projek baru. Inisiatif-inisiatif sektor swasta tidak mencukupi untuk mengisi kekurangan tersebut.

Menggambarkan persekitaran yang lembap ini, hasil telah merosot berbanding tahun sebelumnya, kepada RM816.14 juta (2004/05 disetahunkan: RM937.73 juta). Secara khusus, kemerosotan sebanyak 12.97% dalam hasil boleh dikaitkan dengan penangguhan kerja-kerja dalam beberapa projek di Malaysia, terutamanya disebabkan oleh isu-isu pembayaran dan sifat tertentu projek-projek besar yang baru terutamanya yang memerlukan penanaman cerucuk dan tingkat besmen yang dalam yang bermakna tahap penyata bil rendah berbanding dengan masa yang diambil dan nilai kontrak.



Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth, Paket 3 & 4, Pulau Pinang



Hotel Impiana, Kuala Lumpur yang baru dibersih hias



PASUKAN PENGURUSAN PEMBINAAN (samb.)

Kiri ke kanan: Dato' Goh Chye Koon, Soo Heng Chin, Mohd Razin bin Ghazali, Ng Chin Meng, Szeto Wai Loong dan Kok Fook Yu



Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Satu lagi pencapaian untuk IJMC - Jambatan gantung kabel pertamanya di P. Pinang

Bilik selesa di Hotel Impiana, Kuala Lumpur

“... Dengan peruntukan dianggarkan sebanyak RM200 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dan selanjutnya RM20 bilion untuk projek-projek yang akan dilaksanakan menerusi model Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI), industri pembinaan harus menyaksikan masa hadapan yang lebih cerah ...”

Walau bagaimanapun, keuntungan pra cukai meningkat kepada RM105.96 juta (2004/05 disetahunkan: RM88.63 juta), peningkatan sebanyak 19.55% berpunca sebahagiannya daripada pengiktirafan keuntungan pembinaan daripada kontrak konsesi dan keuntungan selebihnya daripada projek-projek yang telah siap dibina.

Bagi FY 2006, Bahagian ini telah berjaya menyiapkan beberapa projek. Antaranya termasuk jambatan gantung merentasi Sg. Prai (RM122.37 juta) dan Lebuh Raya Lingkar Luar Butterworth (Pakej 3 & 4)

(RM91.25 juta), kedua-duanya di Pulau Pinang, dan Hotel Impiana (RM74.78 juta) terletak di tengah-tengah Segi Tiga Emas Kuala Lumpur. Di India, projek Lebuh Raya Ongole juga telah siap dibina.

Tumpuan Bahagian ini ke atas pasaran luar negeri membawa satu lagi tahun yang berjaya dalam menambah lagi buku tempahan, mendapat kontrak melebihi RM1.0 bilion bagi dua tahun berturut-turut. Kejayaan-kejayaan luar negeri kami termasuk Pusat Sivik Majlis Perbandaran Delhi, New Delhi (RM 474 juta), Jalan Tol Tamil Nadu (RM228 juta) dan



PERKHIDMATAN SOKONGAN PEMBINAAN

Kiri ke kanan: Lam Choy Loong, Pang Sek Loh, Ng Sin Kooi, Soo Heng Chin, Choo Lai Foong, Toh Teck Soon dan Wee Kee Hong




projek jalan raya Jhansi-Lakhnadon (RM138 juta), kerja-kerja awam dan bangunan Perbandaran Shantiniketan Berprestij, Bangalore (RM 140 juta), kesemuanya di India dan Kemudahan Penyediaan Makanan Penerbangan Emiriah (RM 128 juta) di Dubai. Satu-satunya projek yang diperolehi dalam pasaran tempatan adalah Park Seven Condominium (RM 116 juta) di Kuala Lumpur.

Buat pertama kali dalam sejarah Kumpulan, lebih daripada 50% buku tempahan semasa kami adalah dari luar negeri. Maju ke hadapan, kami yakin bahawa kami boleh membuat penembusan positif ke dalam Pakistan dan lain-lain negara Wilayah Teluk tidak lama lagi. Kami akan juga mengambil bahagian secara aktif dalam projek-projek melalui inisiatif kerajaan-kepada-kerajaan diterajui oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

Rancangan Malaysia Kesembilan (9MP) yang diumumkan baru-baru ini dijangka akan menyediakan rangsangan kepada industri pembinaan tempatan. Dengan peruntukan dianggarkan sebanyak RM200 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dan selanjutnya RM20 bilion untuk projek-projek yang akan dilaksanakan menerusi model Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI), industri pembinaan harus menyaksikan masa hadapan yang lebih cerah. Bahagian ini akan menyusun strategi-strateginya dan menuil reputasi dan bukti kelayakannya yang kukuh untuk mendapatkan lebih banyak projek di pasaran tempatan.

Tumpuan lebih segera Bahagian ini adalah pelaksanaan projek. PELAKSANAAN bukan hanya akan meningkatkan hasil bahagian tetapi juga membolehkan Bahagian Harta meningkatkan



Pemandangan dari udara Delhi Metro, India

pengeluaran bilnya. Untuk tujuan ini, mekanisme dan metodologi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan seperti kombinasi inovatif *in-situ* dan elemen sistem bangunan perindustrian, antara lain, akan dititikberatkan. Perekrutan dan latihan tenaga kerja untuk meningkatkan kelebihan daya saing kami akan diteruskan. Meningkatkan aplikasi ICT dengan pelaksanaan Perancangan Sumber Perusahaan Pembinaan (C-ERP) yang akan menyediakan penyepadan proses mendatar dan menegak tanpa batasan daripada peringkat masuk tender hingga pembinaan dan penyiapan projek-projek untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan, dan pada masa yang sama memastikan ketelusan dalam operasi Bahagian, berjalan lancar. Lebih penting lagi, dalam persekitaran kenaikan kos input yang berterusan, pengurusan intensif akan kekal menjadi kunci kepada kejayaan kami.

Kompleks membeli belah Lake Plaza di P. Pinang



Desa Kemegahan Cyberjaya, Kuala Lumpur



Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)

HARTANAH

“ ... Di peringkat antarabangsa, Bahagian ini telah mencapai jualan hampir 100% di Raintree Park, projek perumahan sulung kami di Hyderabad, India ... ”



PASUKAN PENGURUSAN HARTANAH

Kiri ke kanan: Toh Chin Leong, Patrick Oye, Patsy Lee, Karam Singh dan Teh Kean Ming


Bagi FY 2006, Bahagian ini telah mencapai keputusannya yang terbaik. Keuntungan pra cukai sebanyak RM95.62 juta (2004/05 disetahunkan: RM70.40 juta) berdasarkan jumlah dagangan sebanyak RM517.22 juta (2004/05 disetahunkan: RM383.07 juta), masing-masing mewakili peningkatan sebanyak 35.82% dan 35.02% berbanding tahun kewangan sebelumnya, menggambarkan bahawa strategi-strategi perniagaan kami sangat berkesan. Bahagian ini juga berjaya mengekalkan margin

keuntungan keseluruhannya, hasil usaha-usaha berterusannya untuk mengawal kos dengan cekap dan langkah-langkah tambahan dilaksanakan untuk kekal berdaya saing dalam pasaran harta yang mencabar.

Operasi di Malaysia telah menjana hasil sebanyak RM 348.51 juta (2004/05 disetahunkan: RM 308.20 juta) dan keuntungan pra cukai sebanyak RM 78.24 juta (2004/05 disetahunkan: RM 64.12 juta). Sumbangan daripada semua pusat serantau semakin meningkat.



Rumah super berangkai Casa Impiana, Johor



Kondominium Bayswater, Pulau Pinang - pandangan artis



PASUKAN PENGURUSAN HARTANAH (samb.)

kiri to kanan: Ng Kim Huat, Low Eng Bee, Tham Huen Cheong, Khoo Kah Hock, Goh Su Yin dan Ch'ng Ewe Ghee

Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Menara Alpine, P. Pinang



Ampersand @ Kia Peng, Kuala Lumpur



Pemandangan panorama dari E-Gate, P. Pinang

“ ... Dalam FY 2006, Bahagian ini telah membuat beberapa pelaburan melalui pembelian tanah secara langsung ... Selaras dengan strategi, Bahagian ini telah membentuk beberapa usaha sama dengan pemilik-pemilik tanah bereputasi baik untuk membangunkan tanah-tanah mereka yang terletak di lokasi-lokasi strategik ”

Di peringkat antarabangsa, Bahagian ini telah mencapai jualan hampir 100% di Raintree Park, projek perumahan sulung kami di Hyderabad, India yang merupakan usaha sama dengan Lembaga Perumahan Andhra Pradesh. Projek ini telah menjana hasil sebanyak RM 165.30 juta (2004/05 disetahunkan: RM 44.22 juta) dan keuntungan pra cukai sebanyak RM 16.31 juta (2004/05 disetahunkan: RM 2.53 juta).

Bagi FY 2007, pelaburan swasta dijangka akan disokong sepenuhnya oleh pertumbuhan pekerjaan dan pendapatan yang teguh, keadaan kredit yang agak menggalakkan dan kesan positif prestasi luaran yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, dalam persekitaran kenaikan kadar faedah, permintaan bagi hartanah mungkin dibuat atas pilihan dan kami akan sentiasa berjaga-jaga dan mementingkan nic dalam pelancaran-pelancaran baru kami.

Mujurlah, *progress billings* ke atas jualan komited dalam projek-projek semasa dijangka akan menyumbang dengan banyaknya kepada prestasi Bahagian bagi FY 2007. Projek-projek baru yang disasarkan untuk pelancaran di Lembah Klang termasuk Ampersand @ Kia Peng, projek kondominium berprestij di sekitar KLCC; Monte Bayu, kondominium kos sederhana di Cheras dengan

pandangan tanpa halangan latar langit Bandar Raya KL; Saujana Puchong, projek kediaman campuran dengan unit-unit banglo dan berkembar dua; Ukay Green, pembangunan kediaman campuran di Ulu Kelang; dan Riana Green East, projek kondominium yang terletak di Wangsa Maju.

Projek-projek baru yang menarik perhatian di Pulau Pinang akan termasuk pembangunan kediaman di sepanjang Lebuh Raya Ekspres Jelutong, projek kediaman Bukit Jambul, pembangunan campuran Jalan Udini dan rumah teres De'Jawana di Butterworth. Di Johor, Bahagian ini melancarkan Suria Heights Condominium, Suria Place Suites Service Apartments dan pangaspuri Desa Muafakat.

Unit pameran Manda'rina, Kuala Lumpur





Di Sandakan, Bahagian ini akan melancarkan pembangunan-pembangunan baru dalam skim Taman Utama kami manakala Pasar Raya Hiper Giant, pengaturan bina-dan-pajak kedua Bahagian ini, dijangka akan siap dibina dalam tahun kewangan. Pembangunan pasar raya tersebut akan menjana aliran pendapatan berulang, sama dengan pajakan Tesco di Pulau Pinang.

Dalam FY 2006, Bahagian ini telah membuat beberapa pelaburan melalui pembelian tanah secara langsung, salah satu pembelian terbesarnya adalah pembelian 43-ekar tanah di Puchong, di Lembah Klang, dengan anggaran nilai jualan kasar (GSV) sebanyak RM193 juta. Selaras dengan strategi, Bahagian ini telah membentuk beberapa usaha sama (JV) dengan pemilik-pemilik tanah bereputasi baik untuk membangunkan tanah-tanah mereka yang terletak di lokasi-lokasi strategik. Ini termasuk JV dengan Island Bay Resorts Sdn Bhd untuk melaksanakan pembangunan campuran di atas tanah seluas 31-ekar di Batu Ferringhi, Pulau Pinang dengan anggaran GSV sebanyak RM210 juta dan JV dengan Terang Tanah Sdn Bhd dan Star Base Sdn Bhd untuk membangunkan 90 ekar tanah secara bersama di Gombak dengan anggaran GSV sebanyak RM400 juta.

Di India, berikutan kejayaan projek Raintree Park sulung kami, Bahagian ini telah membeli 35.5-ekar tanah bersebelahan dengan lokasi semasanya bagi RM109 juta. Anggaran GSV projek tersebut, dihasratkan bagi pembangunan perbandaran bersepadu, adalah lebih kurang RM530 juta. Bahagian ini telah juga membentuk JV untuk membangunkan 44-ekar tanah dengan jarak lebih kurang 5km dari HiTec City di Hyderabad, dengan anggaran GSV sebanyak RM560 juta. Satu lagi JV telah dibentuk dengan Lingamaneni Estates Private Limited, India untuk membangunkan secara bersama Perbandaran Bersepadu di atas 119.35-ekar tanah di Vijayawada, Andhra Pradesh, India dengan anggaran GSV sebanyak RM600 juta. Sementara itu, Fasa II Raintree Park, iaitu pembangunan pusat membeli belah runcit seluas 600,000 kps, mendapat sambutan yang hebat daripada peruncit-peruncit, walaupun pembinaan masih di peringkat substruktur.

"Kecemerlangan Melalui Kualiti" kekal sebagai pemacu nilai teras Bahagian. Dengan sokongan sinergistik yang baik daripada pembinaan dalaman kami, kami mempunyai kelebihan dalam penyerahan produk-produk berkualiti baik dan inovatif tepat pada masa. Sambil sentiasa mengimbangi estetik dan funsionalisme dalam semua projek pembangunannya, Bahagian ini akan terus menawarkan reka bentuk yang difikirkan dengan teliti dengan bekerja dengan pakar runding dan arkitek yang sangat kompeten untuk memberikan pemilik harta dan pelabur aset berkualiti dengan potensi bagi peningkatan nilai modal jangka panjang.

PJ8 - hab gaya hidup moden yang sedia untuk merangsang semula Petaling Jaya



Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)

INDUSTRI

“ ... Sepanjang tahun, kami terus mengeksport ke pasaran-pasaran tradisional seperti Bangladesh, Singapura dan Amerika Utara. Kami juga telah membuat eksport sulung ke New Zealand dan Maldives ... ”



PASUKAN PENGURUSAN INDUSTRI

kiri ke kanan: Low Hong Imm, Tan Kirk Yak, Tan Khuan Beng, Leong Pak Lung, Leong Yew Kuen dan Khor Kiem Teoh

Kegiatan perniagaan Bahagian ini terbukti berdaya tahan apabila ia menjadi semakin kukuh di sebalik pengecutan berterusan dalam sektor pembinaan. Bagi FY 2006, Bahagian ini mencatat jumlah dagangan sebanyak RM538.97 juta dan keuntungan pra cukai sebanyak RM50.29 juta yang masing-masing 31.18% dan 9.35% lebih tinggi berbanding dengan keputusan disetahunkan 2004/05.

Syarikat teras Bahagian ini adalah Industrial Concrete Products Berhad (ICP), anak syarikat tersenarai milik 66.3% Syarikat yang tersenarai. ICP mengambil alih

Malaysian Rock Products Sdn Bhd (MRP) dan kumpulan syarikatnya (Kumpulan MRP) daripada IJM hujung tahun 2004/05. Kumpulan ICP yang diperbesarkan telah mencatat keuntungan pra cukai sebanyak RM43.59 juta (2004/05 disetahunkan: RM41.70 juta) berdasarkan hasil sebanyak RM445.58 juta (2004/05 disetahunkan: RM345.80 juta)

Di sebalik pertumbuhan negatif dalam sektor pembinaan negara, perniagaan cerucuk putar konkrit pra tegasan menyaksikan penyerahan-penyerahannya kekal pada tahap yang agak sama



Kilang cerucuk pintal ICP Jiangmen Co. Ltd di China



Chalet Club Med Kani, Maldives terletak di atas cerucuk ICP



PASUKAN PENGURUSAN INDUSTRI (samb.)

Kiri ke kanan: Mah Teck Oon, Yeo Poh Meng, Lee Hock Aun, Chan Choy Ping, Pang Chwee Hoon dan Nee Chow Yit

Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Jambatan melengkung keluli sepanjang 130m, Batang Mukah, Sarawak



Unit Pemulihan Haba Buangan 80 tan untuk Loji Shell LNG di Nigeria

“... prestasi sektor pengkuarian, diterajui oleh MRP, kekal teguh untuk mengeluarkan jumlah dagangan sebanyak RM57.65 juta ... **”**

dengan tahun 2004/05. Ini terutamanya disebabkan oleh usaha-usaha kumpulan dalam menggalakkan eksport untuk bertindak balas terhadap kelembapan dalam permintaan pasaran dalam negeri. Bagi FY 2006, perniagaan cerucuk telah mencatatkan hasil sebanyak RM256.79 juta dan keuntungan pra cukai sebanyak RM24.24 juta. Keputusan ini benar-benar membanggakan apabila diambil kira latar belakang peningkatan kos input dan pengangkutan. Jualan eksport telah melonjak 16% daripada jumlah penghantaran kami berbanding dengan 7% dalam tempoh kewangan yang lepas. Sepanjang tahun, kami terus mengeksport ke pasaran-pasaran tradisional seperti Bangladesh, Singapura dan Amerika Utara. Kami juga telah membuat eksport sulung ke New Zealand dan Maldives. Di peringkat dalam negeri, sektor pembinaan yang lemah telah mengakibatkan permintaan yang lebih rendah bagi cerucuk-cerucuk kami, menyebabkan kemerosotan sebanyak 8.7% dalam muatan penghantaran berbanding dengan muatan penghantaran disetahunkan 2004/05.

Sejajar dengan pertumbuhan mendatar dalam industri cerucuk, Durabon Sdn Bhd, anak Syarikat milik penuh ICP, yang mengeluarkan batang PC bagi industri cerucuk PSC menyaksikan kejatuhan marginal hasilnya kepada RM58.90 juta berbanding dengan RM59.25 juta pada tahun 2004/05. Walau bagaimanapun, melalui perasionalan kemudahan pengeluarannya, ia berupaya untuk meningkatkan margin keuntungannya dan mencatat peningkatan sebanyak 26.9% dalam keuntungan pra cukai kepada RM4.53 juta berbanding dengan RM3.57 juta pada tahun 2004/05.

Prestasi Expedient Resources Sdn Bhd, sebuah lagi anak syarikat milik penuh ICP, yang mengeluarkan pelapik getah meningkat dengan ketara apabila usaha-usaha antarabangsa yang dipergiatkannya mendatangkan hasil. Jumlah jualan meningkat sebanyak 36.4% berbanding dengan 2004/05. Berikutan ini, hasil meningkat sebanyak 41.1% kepada RM32.43 juta dan keuntungan pra cukai mencecah RM3.24 juta. Syarikat mengeksport lebih kurang 95% daripada produk-produknya dan pasaran-pasaran utamanya adalah United Kingdom, New Zealand dan negara-negara Timur Jauh. Pada tahun tersebut, pelapik baru kami bagi lantai kayu juga berjaya menembusi pasaran negara-negara Kesatuan Eropah.

Disebabkan oleh lokasi-lokasinya yang strategik, prestasi sektor pengkuarian, diterajui oleh MRP, kekal teguh untuk mengeluarkan jumlah dagangan sebanyak RM57.65 juta dan keuntungan pra cukai sebanyak RM6.74 juta. Kuari-kuari kami di Lembah Klang, Labu, Johor dan Kuantan terletak secara strategik untuk mendapat manfaat daripada peningkatan kegiatan dalam bidang-bidang tersebut di bawah 9MP.

Strong Mixed Concrete Sdn Bhd mempamerkan prestasi yang boleh dibanggakan di sebalik permintaan yang lembap dan kos bahan mentah yang terus meningkat. Kemerosotan margin tidak dapat dielak memandangkan harga jualan tidak dapat dinaikkan disebabkan oleh persaingan yang sengit dan kontrak yang komited. Keuntungan pra cukai sebanyak RM0.73 juta daripada jumlah dagangan sebanyak RM50.23 juta telah diperolehi.



Loji pengelopokan India kami yang kedua, di Bangalore

Dengan jangkaan iklim perniagaan tempatan yang sukar, syarikat telah menceburkan diri dalam pasaran India pada Disember 2004. Penglibatan pertamanya di sana adalah untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada IJM Concrete Products Pte Ltd (IJMCP), anak syarikat milik penuh IJM (India) Infrastructure Limited (IJMII) untuk menubuhkan dan mengendalikan loji konkrit siap campur di Hyderabad. Loji tersebut mempamerkan prestasi yang sangat baik apabila ia mencapai keuntungan pra cukai sulungnya sebanyak RM1.23 juta berdasarkan jumlah dagangan sebanyak RM22.15 juta dalam tahun pertama operasinya. Pada 23 Januari 2006, ICP telah mengambil alih 1,000,000 saham bernilai Rs10 sesaham mewakili 100% kepentingan ekuiti dalam IJMCP daripada IJMII. Disokong oleh prestasi loji Hyderabad yang baik, syarikat telah memulakan loji keduanya di Bangalore pada Februari 2006. Perancangan sedang dibuat untuk menubuhkan lebih banyak loji di kota-kota metropolitan lain di India.

Perniagaan penyewaan aram-aram di bawah Scaffold Master Sdn Bhd berupaya mencapai rekod keuntungan pra cukai sebanyak RM3.57 juta (2004/05 disetahunkan: RM2.70 juta) di sebalik kegiatan pembinaan yang lembap dengan jumlah dagangan sebanyak RM7.50 juta (2004/05 disetahunkan: RM5.93 juta). Dengan kegiatan pembinaan diunjur akan meningkat, syarikat ini bersedia untuk mencapai prestasi yang lebih baik.

Memandangkan projek-projek dalam negeri di Malaysia semakin terbatas, Torsco Sdn Bhd (Torsco) telah menumpukan usaha-usahanya untuk meningkatkan pesanan eksportnya dengan membentuk perkongsian strategik dengan pengusaha-pengusaha utama dalam industri penjanaan kuasa. Strategi mendatangkan hasil apabila jumlah pesanan eksport meningkat dengan banyaknya kepada 68% daripada jumlah dagangan. Ini membolehkan Torsco mencapai jumlah dagangan dan keuntungan pra cukai masing-masing sebanyak RM44.29 juta dan RM3.25 juta, meningkat masing-masing sebanyak 22.3% dan 49.0% sepanjang tahun 2004/05. Torsco telah membuat pelaburan-pelaburan yang diperlukan pada tahun 2004/05 untuk meningkatkan kawasan liputan bagi pembikinan di Lumut dan Ipoh dengan 4,650 m² lagi disediakan untuk meningkatkan buku tempahan. Teras masa

hadapan bagi Torsco adalah untuk menubuhkan perikatan baru dengan klien-klien antarabangsa dalam industri-industri berkaitan minyak dan gas untuk memastikan agar Torsco menghasilkan pesanan berulang daripada klien-klien utama dan melindunginya daripada sebarang kelembapan dalam pasaran dalam negeri. Torsco menjangkakan tahun hadapan yang lebih baik mengambil kira usaha-usahanya untuk menubuhkan perikatan baru mula mendatangkan hasil, dengan buku tempahan sebanyak RM44.79 juta, yang mana 66.5% daripadanya adalah untuk pasaran eksport.

Spirolite (M) Sdn Bhd, Cofreth Sdn Bhd dan Metech Group Berhad, syarikat-syarikat bersekutu dalam Bahagian ini mempamerkan prestasi yang agak membanggakan dan menghasilkan jumlah dagangan tergabung sebanyak RM47.48 juta dan keuntungan pra cukai sebanyak RM3.56 juta.

Dengan sektor pembinaan diunjur akan berkembang dengan pelaksanaan 9MP, berserta dengan usaha niaga luar negeri kami di China dan India yang akan bermula tidak lama lagi, kami optimis bahawa Bahagian ini akan mengekalkan pertumbuhannya yang membanggakan pada FY 2007.

Hasil Scaffold Master terus melonjak ke tahap baru



Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)

PERLADANGAN

“ ... Kumpulan IJMP telah menandatangani Perjanjian Pemegang-pemegang Saham dengan CTI Biofuels Malaysia, LLC (CTIBM) of United States of America (USA) pada 23 Mac 2006 untuk membina, memiliki dan mengendalikan loji biodiesel di Sandakan, Sabah ... ”



IJM Plantations Berhad (IJMP) adalah syarikat bersekutu milik 48%. Bahagian Perladangan telah mencapai hasil sebanyak RM244.63 juta bagi FY 2006 (2004/05 disetahunkan: RM255.14 juta) yang mewakili kemerosotan kecil sebanyak 4.1%. Bahagian Perladangan mencatat keuntungan pra cukai sebanyak RM52.38 juta bagi FY 2006 (2004/05 disetahunkan: RM52.11 juta) untuk mencatat peningkatan marginal sebanyak 0.50%.

Prestasi yang berterusan dalam kedua-dua hasil operasi dan keberuntungan, di sebalik harga produk

sawit yang agak rendah, cukai jualan Negeri yang lebih tinggi dan lonjakan harga baja dan bahan api, adalah berpunca daripada peningkatan pengeluaran tanaman. Tandan buah segar (FFB) sendiri yang dituai meningkat sebanyak 23.2% kepada 451,677 tan (2004/05 disetahunkan: 366,504 tan). Jumlah tanan FFB yang dikilang mencecah 622,600 tan (2004/05 disetahunkan: 595,200 tan). Pembelian FFB daripada luar Kumpulan merosot dari segi volum disebabkan oleh persaingan sengit. Purata harga minyak sawit mentah (CPO) yang dicapai bagi tahun 2006 merosot kepada RM1,373 setiap tan (2005: RM1,541 setiap tan).



Penanaman baru di Berakan Maju di Sugut, Sabah



Jeti Sabang, Sabah



PASUKAN PENGURUSAN PERLADANGAN

Kiri ke kanan: P K Venugopal, Joseph Tek Choon Yee, Velayuthan s/o Tan Kim Song, Ling Ah Hong, Purushothaman s/o Kumaran dan Ng Chung Yin

Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Kolam tадahan air



Sistem kabel untuk pemindahan tanaman

“... Amalan-amalan mesra alam dalam pemuliharaan tanah dan air, pengurusan sisir kilang, pengurusan perosak bersepadau, penyesuaian dan pengayaan tanah, dan kaedah-kaedah pembakaran sifar adalah norma-norma dan akan terus menjadi sedemikian bagi Kumpulan IJMP ...”

Peningkatan tanan FFB yang dituai adalah terutamanya daripada peningkatan kawasan tanaman muda yang mencapai kematangan dan pokok sawit yang mencecah usia terbaik di kawasan Sugut. Kilang-kilang sawit mengekalkan kadar perahan minyak sawit dan isirung yang baik dengan masing-masing mengeluarkan pada purata sebanyak 22.4% dan 4.6% (2005: 22.0% dan 4.5%).

Pada penutup tahun kewangan, jumlah simpanan tanah perladangan Bahagian Perladangan berjumlah sebanyak 29,764 hektar (2005: 29,647 hektar). Daripada jumlah ini, 10,174 hektar terletak di kawasan Sandakan, dan selebihnya di kawasan Sugut di Sabah. Perladangan dalam Kumpulan yang mencapai status matang berjumlah 20,356 hektar (2005: 17,913 hektar). Tambahan 2,443 hektar (2005: 1,779 hektar) adalah terutamanya berpunca daripada penanaman di kawasan Sugut mencapai status matang. Kawasan belum matang selebihnya seluas 4,251 hektar akan menghasilkan pengeluaran pada masa hadapan yang terdekat.

Dengan tiga buah kilang minyak sawitnya, iaitu Desa Talisai Palm Oil Mill (DTPOM), Minat Teguh Palm Oil Mill (MTPOM) dan Sabang Palm Oil Mill (SBPOM), Bahagian Perladangan mempunyai sejumlah keupayaan pemprosesan sebanyak 165 tan FFB sejam. Pada tahun 2005/06, DTPOM telah memproses 246,897 tan (2004/05 disetahunkan: 220,800 tan), MTPOM telah memproses 128,817 tan (2004/05 disetahunkan: 149,600 tan), dan SBPOM, telah memproses 246,911 tan (2004/05 disetahunkan:

224,800 tan) FFB. Volum tanaman sendiri yang telah diproses dijangka akan meningkat di kawasan Sugut dalam tahun-tahun mendatang apabila lebih banyak kawasan tanaman muda mencapai kematangan.

Selepas pengembangan kepada 270 tan sehari, kilang penghancuran isirung Bahagian Perladangan telah menghancurkan lebih kurang 56,977 tan isirung pada tahun ketiga operasinya. Loji tersebut telah mengeluarkan 24,438 tan minyak isirung sawit mentah dan 29,628 tan expeller isirung sawit untuk memberikan kadar perahan masing-masing sebanyak 42.9% dan 52.0%.

Sebagaimana pada tahun-tahun yang lepas, langkah-langkah kecekapan kos telah dilaksanakan secara aktif untuk merealisasikan manfaat yang lebih baik bagi membendung kesan teruk peningkatan kos input. Langkah-langkah meningkatkan pemuliharaan dan pengairan air juga telah diterima pakai secara pilihan untuk meningkatkan dan mengekalkan kadar hasil FFB yang tinggi. Satu kekangan utama yang sentiasa memberikan cabaran kepada operasi kami, dan industri secara keseluruhan, adalah kecukupan pekerja-pekerja mahir untuk mengekalkan tahap produktiviti yang tinggi. Bahagian Perladangan mengurangkan kesukaran ini melalui latihan berterusan tenaga kerja dan dengan memastikan penyeliaan yang berstruktur dan sangat teliti.





Amalan-amalan pengurusan alam sekitar yang sihat akan terus dipatuhi untuk memastikan pembangunan ladang boleh dikekalkan dalam jangka panjang. Amalan-amalan mesra alam dalam pemuliharaan tanah dan air, pengurusan sisa kilang, pengurusan perosak bersepadau, penyesuaian dan pengayaan tanah, dan kaedah-kaedah pembakaran sifar adalah norma-norma dan akan terus menjadi sedemikian bagi Bahagian Perladangan.

Pengomposan tandan buah kosongnya (EFB) dengan efluen dalam SBPOM diteruskan pada tahun kedua operasinya. Manakala ini adalah satu lagi projek penjagaan alam sekitar, hasil yang diguna pakai kepada ladang-ladang telah meningkatkan keadaan tanah dan pengambilan nutrien. Ini bermakna bahawa pada masa hadapan, Bahagian Perladangan akan dapat merasionalkan penggunaan baja di ladang-ladang ini dan mencapai penjimatan kos.

Biofuel mendapat semula minat yang dilihat sebagai sumber tenaga diperbaharui yang berdaya maju. Menyedari peluang ini, Bahagian Perladangan telah menandatangani Perjanjian Pemegang-pemegang Saham dengan CTI Biofuels Malaysia, LLC (CTIBM) of United States of America (USA) pada 23 Mac 2006 untuk membina, memiliki dan mengendalikan loji biodiesel di Sandakan, Sabah atas dasar usaha sama 60:40.

Loji tersebut akan dibina di Sandakan dan dipasang atas dasar bermodul untuk mencapai keupayaan pengeluaran bio-diesel sehingga 90,000 tan setahun, dengan anggaran kos projek sebanyak RM74 juta. Modul pertama daripada tiga modul, bagi pengeluaran sebanyak 30,000 tan setahun, dijangka akan beroperasi pada tahun 2007.

Perumahan ladang



Landskap di Sijas



Tapak semakan bagi anak benih DxP IJM

Di sebalik mengekalkan tahap yang agak tinggi selama tiga tahun, harga produk sawit bagi tahun kewangan akan datang dijangka akan kekal pada tahap yang sama sebagaimana dicapai dalam tahun kewangan. Pakar-pakar percaya terdapat ruang bagi kemungkinan "super-spike", bergantung pada cuaca, perkembangan dalam industri bio-diesel dan faktor-faktor berkaitan permintaan biasa. Harga minyak bahan api sudah semestinya akan memberikan tekanan yang lebih besar ke atas kos pengeluaran. Dalam ketiadaan keadaan di luar jangkaan, Bahagian Perladangan menjangka akan meningkatkan prestasi bagi FY 2007, mengambil kira peningkatan pengeluaran tanaman daripada peningkatan kawasan pokok muda dan pokok sawit usia terbaik berserta dengan langkah-langkah kawalan kos berterusannya untuk membendung peningkatan kos.

Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)

INFRASTRUKTUR

“ ... Kejayaan cemerlang telah dicapai di Pakistan pada 1 Mac 2006 apabila Syarikat menandatangani perjanjian bagi Fasa I cadangan pembinaan lebuh raya bertingkat sepanjang Shahrah-E-Faisal dari Persimpangan Quaidabad hingga Jambatan Jinnah di Karachi, Pakistan atas konsep Anuiti dengan City District Government Karachi, Pakistan ... ”



Bagi FY 2006, Bahagian telah melaporkan jumlah dagangan sebanyak RM60.88 juta (2004/05 disetahunkan: RM48.39 juta) dan kerugian pra cukai sebanyak RM12.96 juta (2004/05 disetahunkan: kerugian sebanyak RM2.13 juta).

Konsepsi tol Bahagian ini di India, dikendalikan oleh syarikat bersekutu milik-35% Kumpulan, Swarna Tollway Pvt Ltd dan milik-100% Kumpulan Rewa Tollway Pvt Ltd telah melaporkan kerugian pra cukai sebanyak RM10.07 juta bagi FY 2006. Kerugian yang dialami ini adalah berpunca terutamanya daripada

Di Argentina, syarikat bersekutu milik-20% Kumpulan Grupo Concesionario del Oeste S.A. (Grupo) yang mengendalikan Western Access Tollway di Buenos Aires telah mencapai peningkatan volum trafik sebanyak 12.05% sepanjang tahun sebelum ini. Ini adalah tiga tahun berturut-turut dalam mana ia mencapai pertumbuhan dua angka dalam volum trafik dan harapan kekal positif dengan bilangan kenderaan negara meningkat sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara. Grupo juga telah mencapai banyak kejayaan dalam perundingan



Lebuhraya Bertol Barat di Buenos Aires, Argentina

Lebuhraya Tol Rewa di India

volum trafik yang rendah pada peringkat awal, kos faedah yang tinggi dan penyelarasan satu kali yang dibuat untuk pelunasan perbelanjaan dalam Swarna Tollway Pvt Ltd. Konsesi-konsesi ini, dalam tahun kedua operasinya dan dengan peningkatan bilangan trafik, prestasi yang lebih baik adalah dijangkakan daripada konsesi-konsesi ini dalam tahun-tahun mendatang.

Sebagai sebahagian daripada sasaran Bahagian ini untuk memperkemaskan pelaburan asingnya, syarikat bersekutu milik-50% Kumpulan, JWS Projects Sdn Bhd telah pada Februari 2006, menandatangani perjanjian bersyarat untuk melupuskan kepentingan ekuitinya dalam syarikat konsesi jambatan bertol di Yangzhong, China yang mengakibatkan peruntukan bagi kerugian sebanyak RM3.43 juta kepada Kumpulan.

semula kontrak konsesinya dengan Kerajaan Argentina dan baru-baru ini telah mendapat kenaikan sebanyak 13.82% dalam kadar tol yang berkuat kuasa pada April 2006. Grupo berharap dapat memperolehi kenaikan selanjutnya dalam kadar tol dan pelanjutan kontrak konsesinya.

Syarikat bersekutu milik-36% Kumpulan Binh An Water Corporation Ltd telah mencatat penurunan marginal dalam keuntungan pra cukai kepada RM4.27 juta (2004/2005 disetahunkan: RM4.54 juta) disebabkan oleh peningkatan kecil dalam kos tenaga. Pelaburan akan menyumbang aliran pendapatan yang stabil sehingga 31 Julai 2019.

Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Jumlah lalu lintas di Lebuhraya Bertol Barat mencapai pertumbuhan bagi tahun ketiga berturut-turut

“ ... Kumpulan masih mencari secara pilihan bagi peluang-peluang selanjutnya dalam projek-projek infrastruktur di peringkat tempatan dan luar negeri ... ”

Kerja pembinaan ke atas konsesi Kumpulan di India, iaitu milik 20% Gautami Power, milik 33% Second Vivekanda Bridge Tollway Co dan milik penuh Jaipur-Mahua Tollway, terus mencapai kemajuan yang memberangsangkan.

Pada 28 Februari 2006, satu lagi kejayaan telah dicapai apabila Syarikat, dalam usaha sama 50:50 dengan Shapoorji Pallonji & Co., India menerima surat penerimaan daripada Lembaga Lebuhraya Kebangsaan India (NHAI) bagi menjadikan empat lorong daripada bahagian dua lorong sedia ada dari Km 192.25 (berhampiran Ulundurpet) hingga Km 285 (berhampiran Padalur) pada NH-45 dalam Wilayah Tamil Nadu, India atas dasar Bina-Kendali-Pindah. Tempoh konsesi tersebut adalah selama 20 tahun (termasuk tempoh pembinaan selama 30 bulan). Kos pembangunan projek tersebut dianggarkan bermilai Rs565 Kror (lebih kurang RM455 juta) dan geran konsesi sebanyak Rs40 Kror (RM32 juta) akan disediakan oleh NHAI.

Kejayaan cemerlang telah dicapai di Pakistan pada 1 Mac 2006 apabila Syarikat menandatangani perjanjian bagi Fasa I cadangan pembinaan lebuhr

raya bertingkat sepanjang Shahrah-E-Faisal dari Persimpangan Quaidabad hingga Jambatan Jinnah di Karachi, Pakistan atas Konsep Anuiti dengan City District Government Karachi, Pakistan. Fasa I projek tersebut melibatkan kajian kebolehlaksanaan kewangan dan reka bentuk kejuruteraan yang akan selesai dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan manakala Fasa II akan melibatkan kerja pembinaan. Jumlah kos projek bagi Fasa I dan Fasa II dianggarkan mencecah USD225 juta (lebih kurang RM830 juta). Kos sebenar projek tersebut akan ditentukan selepas siap Fasa I.


Syarikat telah menandatangani Perjanjian Muktamad pada 30 September 2005 untuk mengambil bahagian dalam konsesi bagi lebuhraya baru sepanjang 48km menghubungkan Kajang ke Seremban bagi tempoh 33 tahun. Syarikat akan mengambil bahagian dalam konsesi melalui cara melanggan sebanyak RM50 juta saham biasa baru bernilai RM1 sesaham, mewakili 50% daripada ekuiti, dan RM200 juta 7% Saham Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus (RCULS) dalam Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd, atau LEKAS, yang dihasratkan untuk menjadi alat tujuan khas bagi menjalankan dan melaksanakan



konsesi tersebut. Terma-terma disemak konsesi dijangka akan dimuktamadkan pada suku ketiga 2006 dan kerja fizikal akan dimulakan tidak lama selepas itu. Apabila dilaksanakan, ini akan menjadi konsesi tol pertama Kumpulan di Malaysia.

Kumpulan masih mencari secara pilihan bagi peluang-peluang selanjutnya dalam projek-projek infrastruktur di peringkat tempatan dan luar negeri dan yakin mencapai kejayaan selanjutnya dalam tahun mendatang.

Masa depan yang cemerlang menanti sejarah dengan pembangunan infrastruktur



KESIMPULAN

Hasil teguh yang dicapai bagi tahun kewangan berakhir Mac 2006 mengesahkan bahawa kami berada di landasan yang betul ke arah mencapai wawasan kami untuk menjadi "jurubina infrastruktur dan bangunan Malaysia bertaraf dunia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa". Misi kami adalah penyerahan

dengan kecemerlangan dan penuh kesungguhan. Dengan strategi-strategi yang jelas dan tenaga kerja yang komited sepenuhnya, kami berharap untuk terus memberikan pulangan yang lebih baik kepada pemegang-pemegang saham serta pemegang-pemegang pelbagai kepentingan kami.

Penyata Urus Tadbir Korporat

Pengasas-pengasas Kumpulan IJM mengiktiraf bahawa standard tinggi urus tadbir korporat adalah penting untuk melindungi kepentingan semua pemegang pelbagai kepentingan dan untuk meningkatkan nilai pemegang saham. Berdasarkan semua prinsip ini, syarikat-syarikat dalam Kumpulan telah pun mewujudkan rangka kerja asas amalan urus tadbir korporat yang baik dalam pertubuhan dan operasinya lama sebelum penggubalan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod).

Lembaga Pengarah (Lembaga) menyokong sepenuhnya dan adalah komited untuk memastikan bahawa standard tertinggi urus tadbir korporat diamalkan dalam Kumpulan. Lembaga berterusan menggalakkan profesionalisme, integriti dan urus tadbir yang baik sebagai budaya korporat bagi Kumpulan untuk menyediakan persekitaran bagi prestasi yang baik oleh kakitangannya dan memberi pulangan yang lebih baik kepada pemegang-pemegang sahamnya.



I. LEMBAGA PENGARAH

1. Komposisi Lembaga

Terdapat sepuluh ahli dalam Lembaga - tujuh merupakan Pengarah Bukan Eksekutif. Antara Pengarah Bukan Eksekutif, empat adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengerusi adalah salah seorang daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan.

Peranan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan ("CEO & MD") adalah berbeza dan berasingan. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas meluangkan dirinya untuk memberi penjelasan mengenai isu-isu yang ditimbulkan oleh pemegang saham dan pelabur, memastikan ketelusan dan keberkesanan proses urus tadbir Lembaga. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas juga kerap mengadakan dialog dengan CEO & MD mengenai semua perkara operasi; dan bertindak sebagai fasilitator dalam mesyuarat Lembaga. CEO & MD bertanggungjawab secara keseluruhan dalam pengurusan harian perniagaan dan pelaksanaan polisi dan keputusan Lembaga. CEO & MD juga bertanggungjawab untuk memastikan sewajarnya pelaksanaan matlamat strategik, operasi berkesan dalam Kumpulan, dan menerang, menjelas dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kumpulan. Bahagian tanggungjawab ini antara Pengerusi dan CEO & MD memastikan kebertanggungjawaban diberi keutamaan.

Profil setiap Pengarah dibentangkan pada muka surat 22 hingga 26.

2. Tugas-tugas dan Tanggungjawab Lembaga

Lembaga yang berkesan mengetuai, memberi arahan strategik dan mengurus Kumpulan. Para Pengarah tergolong daripada profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi, atau pentadbir awam kanan yang berpengalaman. Bersama, mereka membawa pelbagai kekompetenan, kebolehan, kemahiran teknikal dan pengalaman perniagaan berkaitan yang membolehkan Kumpulan terus menjadi peneraju yang berdaya saing dalam industri pembinaan dengan reputasi yang kukuh bagi kekompetenan teknikal dan profesional.

Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif memberi penghakiman bebas ke atas isu-isu strategi, prestasi perniagaan, sumber dan standard tatalaku. Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif Bebas pula memberi pandangan yang bebas dan berguna untuk memastikan strategi yang dicadangkan oleh pengurusan telah dikaji dan ditimbangkan dengan sepenuhnya demi kepentingan Kumpulan dan juga pemegang-pemegang pelbagai kepentingan.

Lembaga bertanggungjawab terutamanya bagi rancangan strategik Kumpulan secara keseluruhan untuk prestasi perniagaan, rancangan penggantian, pengurusan risiko, program perhubungan pelabur, kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan. Walaupun Lembaga bertanggungjawab dalam pembentukan rangka kerja dan polisi dalam mana Kumpulan harus beroperasi, pihak pengurusan bertanggungjawab bagi pelaksanaan polisi yang dinyatakan dan pencapaian objektif korporat Kumpulan yang dinyatakan. Pembatasan ini memperkuatkan peranan penyeliaan Lembaga.

Dari masa ke semasa, Syarikat mungkin memerlukan perkhidmatan Pengarah Eksekutif yang telah bersara untuk memegang peranan yang tertentu bagi tempoh tertentu dalam operasi Syarikat. Pengarah-pengarah ini akan diberi imbuhan untuk perkhidmatan mereka.

3. Mesyuarat-mesyuarat Lembaga

Lembaga mengadakan sekurang-kurangnya empat mesyuarat berjadual tetap setiap tahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan bila dan apabila perlu. Semasa tempoh kewangan, enam mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Rekod kehadiran setiap ahli Pengarah adalah seperti berikut:

	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Pengarah Eksekutif		
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	6 daripada 6	100%
Dato' Goh Chye Koon	5 daripada 6	83%
Soo Heng Chin	6 daripada 6	100%
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		
Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	6 daripada 6	100%
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	5 daripada 6	83%
Datuk Oh Chong Peng	6 daripada 6	100%
Datuk Yahya bin Ya'acob	6 daripada 6	100%
Pengarah Bukan Eksekutif		
Dato' Goh Chye Keat	6 daripada 6	100%
Dato' Ismail bin Shahudin	5 daripada 6	83%
Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad <i>(Dilantik pada 31 Oktober 2005)</i>	2 daripada 2	100%
Abd Hamid bin Othman <i>(Meletak jawatan pada 13 September 2005)</i>	3 daripada 3	100%
Dato' Abdullah bin Mohd Yusof <i>(Meletak jawatan pada 5 Julai 2005)</i>	1 daripada 1	100%
Pengarah Silih Ganti		
Tan Gim Foo, Silih ganti kepada Soo Heng Chin <i>(Dilantik pada 1 September 2005)</i>	3 daripada 3	100%
Teh Kean Ming, Silih ganti kepada Dato' Goh Chye Keat <i>(Dilantik pada 1 September 2005)</i>	2 daripada 3	67%



Penyata Urus Tadbir Korporat

(samb.)

Selain daripada mesyuarat Lembaga tersebut, para Pengarah juga menghadiri beberapa mesyuarat pemutusan tender dan taklimat pelaburan di mana ahli-ahli mempertimbangkan penyertaan Kumpulan dalam bidaan dan/atau pelaburan projek besar. Mesyuarat dan perundingan tidak rasmi sering kali dan secara bebas diadakan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Para Pengarah juga menghadiri dialog pengurusan kanan tahunan di mana strategi operasi, kemajuan prestasi dan isu-isu lain dibentangkan, dibincangkan secara ekstensif dan dimaklumkan kepada pengurus-pengurus kanan Kumpulan.

4. Bekalan Maklumat

Secara amnya, laporan-laporan Lembaga diedarkan kepada para Pengarah terlebih dahulu sebelum mesyuarat yang dijadualkan supaya mereka berpeluang mendapatkan penjelasan atau maklumat tambahan mengenai prestasi kewangan entiti dan unit perniagaan, dan isu-isu lain yang mungkin memerlukan perbincangan dan keputusan.

Antara lain, laporan tersebut membekalkan maklumat mengenai isu-isu operasi, kewangan dan korporat, aktiviti-aktiviti dan prestasi projek-projek, prestasi bahagian dan alasan-alasan bagi pelencongan ketara daripada bajet dan perubahan besar dalam struktur Kumpulan dan urusniaga sekuriti (termasuk ringkasan urusniaga sekuriti para Pengarah, Pegawai-pegawai kanan dan pemegang-pemegang saham utama).

Selain daripada mesyuarat Lembaga suku tahunan, taklimat diadakan untuk Lembaga mengenai pelbagai isu seperti perubahan kepada perundangan, syarat dan peraturan syarikat dan sekuriti dari masa ke masa untuk memaklumkan mereka mengenai perkembangan terkini dalam bidang-bidang ini.

Para Pengarah juga dimaklumkan mengenai sebarang pengumuman korporat yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"). Mereka juga dimaklumkan mengenai sekatan yang akan berlaku dalam berurusan dengan sekuriti Syarikat sekurang-kurangnya satu bulan sebelum pengeluaran pengumuman keputusan kewangan suku tahunan.

Selain daripada itu, terdapat jadual perkara-perkara yang dirizabkan secara khusus untuk pertimbangan Lembaga, seperti kelulusan rancangan korporat dan bajet tahunan, pembelian dan pelupusan usahaniaga dan harta tanah bernilai besar, dan perubahan kepada struktur pengurusan dan kawalan dalam Kumpulan, termasuk polisi penting, had kuasa yang ditugaskan dan penyertaan dalam permutusan tender untuk projek pembinaan melebihi had terwujud.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat sepenuh masa yang dilantik oleh Lembaga, dan mereka telah dibekalkan dengan Manual Penyenaraian Bursa Securities, Kod, Penyata Kawalan Dalaman: Panduan bagi para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam dan Kod Etika untuk Pengarah dan Setiausaha, kemaskini mengenai perundangan syarikat dan sekuriti dan syarat-syarat dan peraturan-peraturan lain berkaitan.

5. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga

Lembaga telah menugaskan fungsi-fungsi tertentu kepada Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Jawatankuasa-jawatankuasa beroperasi di bawah bidang tugas yang dinyatakan secara jelas. Pengerusi Jawatankuasa masing-masing melaporkan kepada Lembaga keputusan mesyuarat Jawatankuasa dan laporan sedemikian dimasukkan dalam kertas-kertas Lembaga.

A. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat secara bulanan untuk mengkaji prestasi bahagian operasi Kumpulan. Turut menghadiri adalah Pengarah Kewangan dan Ketua Bahagian-bahagian, Setiausaha Syarikat dan ketua-ketua jabatan berkaitan.

Bidang-bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif termasuklah yang berikut:

- memutus semua urusniaga dan perkara berkaitan dengan perniagaan teras Kumpulan atau pelaburan sedia ada dalam autoriti terbatas yang dihadkan oleh Lembaga; dan
- memutus semua perkara berkaitan dengan kemudahan perbankan sebagaimana diperlukan bagi pengurusan operasi Kumpulan.

Semasa tempoh kewangan, 12 mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan. Rekod kehadiran setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengarah Eksekutif	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	12 daripada 12	100%
Dato' Goh Chye Koon	10 daripada 12	83%
Soo Heng Chin	11 daripada 12	92%

B. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor. Ahli-ahli lain Jawatankuasa Audit adalah Y. Bhg. Tan Sri Dato Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng dan Y. Bhg. Datuk Yahya bin Yaacob. Bidang tugas dan ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit dinyatakan pada muka surat 67 hingga 68.

C. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan telah ditubuhkan pada 2 Disember 1998 dan dinamakan semula Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan pada 16 Mei 2001. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dianggotai oleh empat ahli; tiga daripada mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, iaitu Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi), Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob dan Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob. Seorang lagi ahli adalah Y. Bhg. Dato' Goh Chye Keat.

Bidang-bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan termasuk yang berikut:-

- (i) mewujudkan dan mengkaji terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan dan imbuhan Pengarah-pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
- (ii) mengkaji dan meluluskan kenaikan gaji dan bonus tahunan Pengarah-pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
- (iii) mengkaji, mengesyorkan dan menimbangkan calon-calon kepada Lembaga Syarikat, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan, termasuk jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga;
- (iv) mengkaji dan menentukan campuran kemahiran, pengalaman dan kualiti-kualiti lain, termasuk kekompetenan teras Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif atas dasar tahunan; dan
- (v) menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan tahunan setiap Pengarah.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan akan bermesyuarat sebagaimana diperlukan. Satu mesyuarat telah diadakan semasa tempoh kewangan. Semua pengesyoran Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan tertakluk kepada pengesahan Lembaga.

D. Jawatankuasa Saham

Jawatankuasa Saham telah ditubuhkan pada 3 September 1986 dan bertanggungjawab untuk mengawal dan meluluskan urusniaga sekuriti dan pendaftaran. Jawatankuasa Saham dianggotai oleh Y. Bhg. Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan (Pengerusi), Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.

E. Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS)

Jawatankuasa ESOS baru telah ditubuhkan pada 30 Oktober 2003 dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan pentadbiran ESOS baru Syarikat. Jawatankuasa ESOS dianggotai oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi), Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.



Penyata Urus Tadbir Korporat

(samb.)

6. Pelantikan kepada Lembaga

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bertanggungjawab untuk membuat pengesongan kepada Lembaga, termasuk anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesongan-pengesongan ini, Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menimbulkan campuran kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, yang dibawa oleh para Pengarah kepada Lembaga. Para Pengarah dimaklumkan dan menyedari bahawa mereka boleh meminta nasihat bebas, di mana perlu, dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dan atas perbelanjaan Kumpulan.



7. Pemilihan Semula

Tataturusan Pertubuhan memperuntukkan agar semua Pengarah menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula sekurang-kurangnya setiap tiga tahun dalam mematuhi syarat-syarat penyenaraian Bursa Securities. Tataurus Pertubuhan Syarikat juga memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Lembaga hendaklah bersara daripada jawatan dan melayak untuk pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Para Pengarah yang berumur lebih tujuh puluh tahun dikehendaki untuk menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta").

8. Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori Pengarah dianjurkan oleh Bursa Securities dan menyedari kehendak Program Pendidikan Berterusan yang ditentukan oleh Bursa Securities. Para Pengarah juga menerima latihan selanjutnya dari masa ke masa, khususnya mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan dan perubahan risiko komersil. Induksi ringkas disediakan kepada para Pengarah yang baru dilantik.

Dalam tahun ini, enam seminar telah dianjurkan untuk para Pengarah dan pengurusan kanan seperti berikut:-

- 1) Pengurusan Strategik dan Risiko Operasi;
- 2) "Board Room Finance" untuk Pengarah;
- 3) Nilai Integriti: Memahami Nilai Tersembunyi Aset Tak Ketara;
- 4) Kesan Perniagaan Piawaian Pelaporan Kewangan Baru;
- 5) Kesedaran Cukai Barang dan Cukai Perkhidmatan; dan
- 6) Penipuan dan Kegagalan Korporat.

Syarikat akan terus menilai dan memastikan keperluan latihan untuk para Pengarahnya.

Di mana mungkin dan apabila berpeluang, mesyuarat Lembaga boleh diadakan di lokasi perniagaan operasi Kumpulan untuk membolehkan para Pengarah mendapat perspektif perniagaan yang lebih baik dan meningkatkan pemahaman mereka mengenai operasi Kumpulan.

II. IMBUHAN

Polisi imbuhan Syarikat adalah berdasarkan falsafah bahawa Kumpulan tidak berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran dari segi gaji asas tetapi akan memberi pertimbangan berat ke atas bonus berkaitan dengan prestasi. Ini termaktub dalam polisi imbuhan bagi para Pengarah Eksekutif.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan mengkaji secara tahunan polisi imbuhan bagi Pengarah-pengarah Eksekutif untuk memastikan bahawa mereka telah diberi ganjaran sewajarnya bagi sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keberuntungan Kumpulan.

Prestasi para Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah-pengarah Eksekutif akan bergantung kepada pencapaian matlamat (termasuk sasaran organisasi yang telah ditentukan jumlahnya dan pencapaian peribadi) yang ditetapkan pada permulaan setiap tahun.

Untuk Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tertentu.

Penentuan imbuhan bagi Pengarah-pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif adalah tanggungjawab Lembaga. Syarikat membayar balik perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh Pengarah-pengarah ini sepanjang tugas mereka sebagai Pengarah.



Dialog Pengurusan Kanan tahunan dan lawatan tapak menyediakan wawasan ke dalam operasi Kumpulan

1. Yuran

Yuran Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan. Yuran dibayar berdasarkan kehadiran mesyuarat dan tahap tanggungjawab Pengarah dalam Lembaga dan Jawatankuasanya.

2. Gaji Pokok

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan melaksanakan kajian tahunan ke atas gaji pokok bagi semua eksekutif kanan mengambil kira prestasi individu dan syarikat dan amalan dalam industri. Kumpulan mengambil bahagian dalam soal-selidik khusus industri oleh firma profesional bebas untuk mendapatkan data semasa dalam mengukur rujuk Kumpulan.

3. Skim Bonus & Insentif

Kumpulan melaksanakan skim bonus dan insentif bagi semua kakitangan, termasuk Pengarah-pengarah Eksekutif. Kriteria bagi skim adalah bergantung kepada prestasi kewangan Kumpulan berdasarkan formula yang sedia wujud dan prestasi setiap kakitangan individu. Bonus dan insentif yang perlu dibayar kepada Pengarah-pengarah Eksekutif dikaji oleh Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga.

4. Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang

Faedah-faedah lazim lain seperti perubatan peribadi dan kereta, disediakan selaras dengan garis panduan yang dibentangkan dalam Skim dan Syarat-syarat Perkhidmatan IJM.

5. Pengaturan Pencen

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebuah rancangan caruman ternyata mandatori negara, untuk semua kakitangan dan Pengarah-pengarah Eksekutif yang menetap di Malaysia. Selain itu, semua kakitangan dan Pengarah-pengarah Eksekutif (menyertai sebelum November 2005) mengambil bahagian dalam satu pelan ternyata gaji akhir yang dibiayai oleh Kumpulan, Skim Persaraan IJM, dengan objektif untuk menyediakan bayaran jumlah sekaligus yang munasabah pada masa persaraan dan untuk penyakit kronik. Skim juga menyediakan bayaran jumlah sekaligus sekiranya meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

6. Opsyen Saham dan Waran pada Pengarah

Kumpulan juga menawarkan kakitangan dengan opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangannya. Dalam tempoh tahun kewangan, Kumpulan telah menerbitkan 10,000,000 waran kepada kakitangan pengurusan yang berhak pada RM0.05 setiap waran.

Pergerakan dalam opsyen saham dan waran para Pengarah dalam tahun kewangan dinyatakan pada muka surat 92 dan 93.



Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

7. Imbuhan Para Pengarah

Butir-butir imbuhan para Pengarah dalam tahun adalah seperti berikut:

A. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan dalam komponen yang sesuai:

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	Faedah Persaraan RM'000	KWSP RM'000	Faedah bukan dalam bentuk wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	1,646	0	2,308	85	650	64	4,753
Pengarah Bukan Eksekutif	0	312	165	0	0	17	494

B. Agregat imbuhan setiap Pengarah:

Pengarah Eksekutif	RM'000
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	1,687
Dato' Goh Chye Koon	1,328
Soo Heng Chin	590
Pengarah Bukan Eksekutif	
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	104
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	86
Datuk Oh Chong Peng	55
Datuk Yahya bin Ya'acob	65
Dato' Goh Chye Keat	93
Dato' Ismail bin Shahudin	41*
Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad (<i>dilantik pada 31 Oktober 2005</i>)	2
Abdul Hamid bin Othman (<i>meletak jawatan pada 13 September 2005</i>)	30
Dato' Abdullah bin Mohd Yusof (<i>meletak jawatan pada 5 Julai 2005</i>)	18*
Pengarah Silih Ganti	
Tan Gim Foo (<i>dilantik pada 1 September 2005 sebagai silih ganti kepada Soo Heng Chin</i>)	492#
Teh Kean Ming (<i>dilantik pada 1 September 2005 sebagai silih ganti kepada Dato' Goh Chye Keat</i>)	656#

* Yuran dan elauan telah dibayar kepada Tronoh Consolidated Malaysia Berhad.

Aggregat penggajian yang telah diterima sepanjang tahun kewangan.

III. PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

1. Dialog Antara Syarikat dengan Pelabur

Syarikat memberi perhatian utama dalam memastikan taraf tertinggi ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam penzahiran maklumat yang penting kepada pemegang-pemegang saham serta pelabur-pelabur berpotensi mahu pun orang awam.

Beberapa pengumuman dan penzahiran telah dibuat kepada Bursa Securities sepanjang tahun, termasuk pengumuman tepat pada masa keputusan kewangan suku tahunan, untuk memberi kepada pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur awam gambaran keseluruhan prestasi dan operasi Kumpulan.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, pembentangan dibuat oleh CEO & MD untuk menerangkan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang-pemegang saham. Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberi kepada mana-mana satu pemegang saham atau kumpulan pemegang saham terpilih kecuali setakat perwakilan mereka dalam Lembaga.

Kumpulan mengadakan dialog dengan jruanalisis kewangan dari masa ke masa sebagai cara berkesan untuk perhubungan pelabur. Sekurang-kurangnya dua taklimat syarikat berjadual diadakan setiap tahun, biasanya berkebetulan dengan pengumuman keputusan suku tahunan kedua dan akhir Kumpulan bagi menjelaskan keputusan yang dicapai dan strategi untuk memaju ke hadapan. Sidang akhbar biasanya diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat. Syarikat juga mengambil bahagian dalam beberapa forum pelabur institusi tempatan dan di luar negeri dalam tahun kewangan.

Ringkasan aktiviti perhubungan pelabur Kumpulan dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:-

Bilangan Mesyuarat

Mesyuarat dengan pelabur /pengurus dana/jruanalisis, dsb

1. Taklimat Syarikat	4
2. Sidang Akhbar	7
3. Mesyuarat dengan pelabur/pengurus dana/jruanalisis yang melawat	80

Penyertaan dalam pameran Tempatan/Eksibisi

1. Persidangan	5
----------------	---

Persidangan Pelabur Luar Negeri

1. Edinburgh/Frankfurt/Hong Kong/London	1 setiap
2. Singapura	2

Laporan Tahunan mengandungi ulasan prestasi mengenai aspek-aspek perniagaan, kewangan dan operasi Kumpulan, penerangan ringkas mengenai perkhidmatan dan produk Kumpulan dan penyata kewangan Kumpulan.

2. Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab. Pengerusi dan, di mana sesuai, CEO & MD menjawab soalan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat. Apabila diperlukan, Pengerusi akan menyediakan jawapan bertulis kepada soalan-soalan penting yang tidak dapat dijawab dengan serta-merta dalam mesyuarat tersebut.

Dalam hal pemilihan semula para Pengarah, notis mesyuarat akan menyatakan pencalonan Pengarah-pengarah untuk pemilihan atau pemilihan semula.

Setiap perkara urusan khas termasuk dalam notis mesyuarat diiringi dengan penjelasan untuk resolusi yang dicadangkan. Resolusi berasingan dicadangkan untuk isu-isu berasingan dalam mesyuarat, dan Pengerusi akan mengisyiharkan bilangan undian proksi yang diterima dari kedua-dua penyokong dan penentang resolusi sebelum pengundian setiap resolusi.

3. Keterbukaan dan Ketelusan

Kumpulan telah mewujudkan laman web di <http://www.ijm.com> yang komprehensif dan semasa untuk meningkatkan perhubungan pelabur dan komunikasi pemegang-pemegang saham, termasuk akses mereka kepada maklumat tentang Syarikat dan Kumpulan. Antara lain, laman web menyediakan maklumat mengenai pergerakan harian sekuriti Syarikat, pengumuman korporat kepada Bursa Securities, apa orang lain kata mengenai Kumpulan, laporan-laporan tahunan, minit mesyuarat agung, pengagihan dividen, dividen tidak dituntut, urusniaga sekuriti para Pengarah, Pengawai Principal dan pemegang-pemegang saham utama, dan profil Kumpulan.

Untuk berkhidmat dengan lebih berkesan kepada pemegang-pemegang pelbagai kepentingan melalui ruangan laman web Perhubungan Pelabur, laman maklum balas bertindak sebagai saluran bagi Kumpulan untuk memaju melalui e-mel: ijm@ijm.com. Selain itu, pemegang amanah pelbagai kepentingan yang berhasrat untuk menghubungi Kumpulan kami boleh berbuat demikian melalui "Contact Us" dengan butir-butir perhubungan bahagian masing-masing disediakan.



Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

IV. KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

1. Laporan Kewangan

Semasa pembentangan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang-pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk membentangkan penilaian seimbang dan mudah difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Amalan ini juga diikuti untuk laporan-laporan awam lain yang harga sensitif dan laporan kepada pengawal atur.

2. Penyata Tanggungjawab Pengarah

Para Pengarah dikehendaki oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan terpakai agar memberi gambaran sebenar dan adil tentang keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Semasa menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

1. menggunakan polisi perakaunan sewajarnya yang diamalkan secara konsisten;
2. membuat keputusan dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
3. memastikan bahawa semua piawaian perakaunan terpakai telah diikuti; dan
4. menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk terus beroperasi bagi masa hadapan yang boleh diramal.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang mendedahkan dengan ketepatan munasabah kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah juga menyediakan secara sukarela Kesan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") ke atas Penyata Kewangan untuk memberi pandangan pelaksanaan FRS yang akan berlaku.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh dalam mengambil langkah-langkah tertentu secara munasabah untuk melindungi aset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang penipuan dan ketakteraturan yang lain. Kumpulan telah juga melaksanakan Polisi dan Prosedur bagi Pelaporan Penipuan, Pembaziran dan/atau Salah Guna melibatkan Sumber Syarikat, di mana, sekiranya kakitangan mengesyaki penipuan, pembaziran, atau salah laku telah berlaku, kakitangan digalakkan dan diberi saluran langsung untuk menghubungi Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, CEO & MD atau Setiausaha Syarikat.

3. Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dinyatakan pada muka surat 71 hingga 73.

4. Perhubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar dinyatakan pada muka surat 67 hingga 70.

Ditandangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka bertarikh 7 Julai 2006.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob

Pengerusi

Laporan Jawatankuasa Audit

KEAHLIAN DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sebanyak lima (5) kali dalam tempoh berakhir 31 Mac 2006 dan kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

	Bil. mesyuarat diadakan dalam tahun	Bil. mesyuarat dihadiri
Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor <i>Pengerusi Jawatankuasa Audit</i> <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan)</i>	5	5
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob <i>Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	5	5
Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng <i>Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	5	5
Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob <i>Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	5	5

KEGIATAN-KEGIATAN BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit telah melaksanakan tanggungjawabnya, seperti yang tercatat dibawah bidang-bidang tugas Jawatankuasa Audit pada muka surat 70.

Selain daripada tanggungjawab yang dinyatakan, kegiatan-kegiatan utama yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dalam tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2006 adalah seperti berikut:

- mengkaji pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- mengkaji strategi dan perancangan audit bersama dengan juruaudit luar;
- mengkaji semula keputusan juruaudit luar berhubung dengan isu-isu audit dan perakaunan yang timbul daripada audit, dan berita-berita terkini mengenai perkembangan baru berhubung dengan piawaian-piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- mengkaji urusniaga pihak-pihak berkaitan yang timbul dalam Syarikat atau Kumpulan;
- mengkaji dan meluluskan rancangan audit tahunan yang dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman;



AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT

Kiri ke kanan: Datuk Oh Chong Peng, Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob,
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohd Noor dan Datuk Yahya Bin Ya'acob



Laporan Jawatankuasa Audit

(samb.)

- mengkaji laporan audit yang dikemukakan oleh Juruaudit Dalaman berdasarkan keputusan dan pengesyoran berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan;
- mengkaji laporan dan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Risiko; dan
- Pengesahan mengenai peruntukan opsyen yang dilaksanakan oleh Juruaudit Dalaman berhubung dengan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") Syarikat. Jawatankuasa Audit telah berpuas hati bahawa peruntukan opsyen selaras dengan ESOS dalam tempoh kewangan 31 Mac 2006, adalah konsisten dengan kriteria yang dikemukakan dalam Undang-undang Kecil ESOS dan oleh Jawatankuasa ESOS.
- Jawatankuasa Audit bersama-sama juruaudit luar telah mengadakan perjumpaan tanpa kehadiran pihak Pengurusan untuk membincangkan perkara-perkara berbangkit daripada audit.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman dalam Kumpulan dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman yang akan melaporkan setiap aktiviti kepada Jawatankuasa Audit berpandukan Pelan Tahunan Audit Dalaman mengambilkira saiz operasi dan risiko yang terlibat. Pelan Tahunan Audit Dalaman dirancang supaya dapat merangkumi projek dan entiti dalam semua peringkat operasi dalam Kumpulan. Sepanjang tahun, audit yang telah dilaksanakan bukan sahaja berfokus kepada bahagian pembinaan dan Hartanah di Malaysia bahkan ia juga melibatkan operasi luar negeri terutamanya di India. Jabatan ini terus menyalurkan perkhidmatan audit dalaman kepada IJM Plantations Berhad dan Industrial Concrete Products Berhad dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah, jabatan ini memainkan peranan aktif dengan memberi nasihat dalam penelitian dan penambahbaikan terhadap kawalan dalaman Kumpulan.

Jabatan Audit Dalaman menerima pakai pendekatan pengauditan berdasarkan risiko pengauditan dengan mengambil kira amalan dan piawaian industri terbaik di peringkat global. Peranan utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk menyediakan laporan-laporan bebas dan objektif mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan.

Dalam tahun kewangan, sistem kawalan dalaman yang merangkumi urus tadbir, operasi dan sistem maklumat berhubung dengan bidang-bidang utama operasi Kumpulan, telah dinilai oleh Jabatan Audit Dalaman.

Jawatankuasa Audit kemudiannya akan mempertimbangkan laporan-laporan dan audit dalaman dan pihak pengurusan akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas pengesyoran daripada laporan mereka.

BIDANG-BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan Pengarah-pengarah dan hendaklah dianggotai tidak kurang daripada tiga ahli. Majoriti daripada jawatankuasa audit hendaklah merupakan Pengarah-pengarah bebas. Ahli-ahli jawatankuasa audit akan memilih seorang pengurus daripada kalangan mereka yang merupakan pengarah bebas. Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Sekurang-kurangnya salah seorang daripada ahli Jawatankuasa Audit:

- mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:
 - beliau mesti lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - beliau hendaklah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.

- (iii) (a) mesti mempunyai ijazah sarjana muda/sarjana/kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan dan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman selepas kelayakan dalam perakaunan atau kewangan; atau
- (b) hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tujuh tahun pengalaman sebagai ketua pegawai kewangan sesebuah perbadanan atau mempunyai fungsi bertanggungjawab secara utama bagi pengurusan hal ehwal sesebuah pertubuhan.

Lembaga Pengarah hendaklah menyemak tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap daripada ahli-ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada ahli-ahli jawatankuasa audit telah menjalankan tugas-tugas mereka selaras dengan bidang tugas mereka.

Mesyuarat dan Minit

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun, dan pada kebiasaan akan dihadiri oleh Pengarah Kewangan dan Ketua Audit Dalaman, dan sekiranya diperlukan, juruaudit luar. Ahli-ahli Lembaga yang lain juga boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setahun dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli pegawai eksekutif Kumpulan. Kedua-dua juruaudit, dalaman dan luar, boleh meminta supaya mesyuarat diadakan jika mereka anggap perlu.

Korum terdiri daripada dua ahli yang hadir dan majoritinya mestilah pengarah bebas.

Setiausaha Syarikat bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit. Minit-minit setiap mesyuarat diedarkan kepada setiap ahli Lembaga dan Pengurus Jawatankuasa akan melaporkan mengenai isu-isu penting yang dibincangkan dalam setiap mesyuarat kepada Lembaga.

Autoriti

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga untuk mempunyai autoriti berikut dalam perkara-perkara ini:

- autoriti untuk menyiasat sebarang kegiatan dalam bidang tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada mana-mana maklumat berkaitan dengan Kumpulan;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan dalaman, serta juga semua kakitangan Kumpulan; dan
- autoriti untuk mendapatkan nasihat profesional luar yang bebas sebagaimana diperlukan.



JABATAN AUDIT DALAMAN

kiri ke kanan: Su Cheong Ling, Tan Heng Meng, Lyndon Alfred Felix, Lee Hoi Yen dan Kumaran Sivagurunathan



Laporan Jawatankuasa Audit

(samb.)

“...Untuk mengawasi mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur ...”

Tugas-tugas

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa secara kolektif:

- 1) Untuk menyemak keputusan-keputusan suku tahunan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum pengemukaan kepada Lembaga, dengan menumpukan secara khususnya ke atas:
 - (i) andaian usaha berterusan;
 - (ii) sebarang perubahan dalam polisi-polisi dan amalan-amalan perakaunan;
 - (iii) isu-isu penting timbul daripada audit;
 - (iv) pematuhan dengan piawaian-piawaian perakaunan, keperluan berperaturan dan lain-lain keperluan undang-undang; dan
 - (v) bidang penilaian utama.
- 2) Untuk menimbangkan penamaan dan pelantikan juruaudit luar, serta juga yuran audit mereka.
- 3) Untuk menimbangkan mana-mana surat perletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan.
- 4) Untuk membincangkan dengan juruaudit luar, sebelum permulaan audit, rancangan audit mereka, yang menyatakan sifat audit, dan untuk memastikan penyelarasaran audit di mana lebih daripada satu firma audit yang terlibat.
- 5) Untuk menyemak dengan juruaudit luar, penilaian mereka ke atas sistem kawalan dalam mereka, surat pengurusan mereka dan jawapan pengurusan.
- 6) Untuk mengkaji bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.
- 7) Untuk mengkaji yang berikut berhubung dengan audit dalaman:
 - (i) Kecukupan skop audit dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa mempunyai autoriti yang perlu untuk menjalankan fungsinya;
 - (ii) Rancangan dan program audit dalaman;
 - (iii) Penemuan-penemuan utama penyiasatan audit dalaman dan jawapan pengurusan, dan memastikan tindakan wajar diambil ke atas pengesyoran-pengesyoran fungsi audit dalaman;
 - (iv) Penilaian prestasi kakitangan fungsi audit dalaman;
 - (v) Pelantikan atau penamatan ahli-ahli kakitangan kanan daripada fungsi audit dalaman; dan
 - (vi) Perletakan jawatan ahli-ahli kakitangan audit dalaman dan memberi kepada ahli kakitangan yang ingin meletak jawapan peluang untuk menyatakan alasan bagi perletakan jawatan beliau.
- 8) Untuk mengawasi mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau perjalanan tindakan yang menimbulkan persoalan mengenai ketelusan pengurusan. Mereka juga dikehendaki untuk memastikan agar para Pengarah melaporkan urusniaga tersebut secara tahunan kepada pemegang-pemegang saham melalui laporan tahunan.
- 9) Untuk mengkaji laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- 10) Untuk membincangkan sebarang isu yang ditimbulkan semasa audit interim dan terakhir oleh pihak audit luaran serta sebarang perkara yang perlu dibincangkan (tanpa kehadiran pihak pengurusan jika perlu)
- 11) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang disediakan kepada pengawal atur dan/atau orang awam.
- 12) Untuk melapor dengan segera kepada Bursa Securities mengenai mana-mana perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga Pengarah, yang tidak diselesaikan secara memuaskan dan menyebabkan pemungkiran dalam Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Securities.
- 13) Untuk menimbang perkara-perkara lain yang mungkin diarahkan oleh Lembaga dari masa ke masa.

Penyata Kawalan Dalaman

PROSES PENGURUSAN RISIKO



TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah menyedari kepentingan kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang kukuh untuk urus tadbir korporat yang baik. Lembaga mengesahkan tanggungjawab keseluruhannya bagi sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Kumpulan IJM, dan dalam mengkaji kecukupan dan integriti sistem tersebut. Walau bagaimanapun, ia harus diperhatikan bahawa sistem tersebut adalah direka untuk mengurus dan bukannya untuk menghapuskan risiko kegagalan dalam mencapai objektif perniagaan. Selain daripada itu, harus juga diperhatikan bahawa sistem-sistem sedemikian hanya boleh memberi jaminan munasabah, dan bukannya mutlak, terhadap salah nyataan material atau kerugian.

Kumpulan telah menyediakan proses pengurusan risiko yang berterusan bagi mengenal pasti, mendokumentari, menilai, mengawas dan menguruskan risiko penting yang memberi kesan terhadap pencapaian objektif-objektif perniagaannya.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga telah menujuhkan struktur organisasi dengan kebertanggungjawaban dan kuasa perwakilan yang nyata. Ia telah melanjutkan tanggungjawab Jawatankuasa Audit untuk merangkumi kerja pengawasan semua kawalan dalaman bagi pihaknya, dengan bantuan Jabatan Audit Dalaman (rujuk Laporan Jawatankuasa Audit).

Kumpulan telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh Pengarah Kewangan Kumpulan, termasuk wakil-wakil daripada semua bahagian. Fungsi pengurusan risiko bagi setiap bahagian perniagaan adalah diketuai oleh ketua bahagian masing-masing. RMC diberi tugas untuk mewujud dan mengekalkan sistem pengurusan risiko yang berkesan dalam Kumpulan. Kajianya meliputi perkara-perkara seperti tindakan kepada risiko-risiko penting yang dikenal pasti, perubahan-perubahan kepada sistem kawalan dalaman dan output daripada proses pengawasan. Ia melaporkan secara kerap kepada Jawatankuasa Audit, yang memperuntukkan masa berasingan dalam membincangkan subjek ini.



Penyata Kawalan Dalaman (samb.)

“ ... sistem tersebut adalah direka untuk mengurus dan bukannya untuk menghapuskan risiko kegagalan dalam mencapai objektif perniagaan ... ”

Sistem pengurusan risiko Kumpulan telah ditubuhkan dengan bantuan pakar-pakar luar. Taksiran dan penilaian risiko dilaksanakan sebagai bahagian penting kitaran perancangan strategik tahunan. Setelah mengenal pasti risiko-risiko kepada pencapaian objektif strategik, kewangan, operasi dan lain-lain objektif perniagaan, setiap unit perniagaan atau kefungsian adalah dikehendaki mendokumen tindakan-tindakan pengurusan untuk mengurangkan setiap risiko penting. Bidang-bidang baru diperkenalkan untuk penilaian selaras dengan perubahan profil risiko perniagaan.

Di bawah sistem ini, setiap unit perniagaan atau kefungsian, tidak termasuk syarikat bersekutu atau usahasama, menyediakan ‘lakaran risiko’ tahunan yang meringkaskan risiko-risiko, kawalan-kawalan dan proses-proses bagi menguruskannya dan cara-cara yang memberi jaminan kepada pengurusan bahawa proses-proses tersebut adalah berkesan. Ibu pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko-risiko kepada objektif-objektif strategik Kumpulan, yang tidak ditangani oleh unit-unit perniagaan atau kefungsian. Lakaran-lakaran risiko dan apa-apa cadangan perubahan kepada kawalan-kawalan dan proses-proses dilaporkan kepada RMC yang akan meringkaskannya untuk pertimbangan Jawatankuasa Audit.

Dengan munculnya ancaman pengganas dan wabak selsema burung di beberapa bahagian dunia, dan lain-lain bencana yang bakal muncul seperti kebakaran dan banjir, antara lain, keberterusan operasi perniagaan adalah merupakan kebimbangan utama. Kumpulan sedang membentuk rancangan yang dipertingkatkan untuk memastikan keberterusan fungsi perniagaan yang kritikal sekiranya berlakunya krisis. Latihan-latihan pengurusan kemalangan kerap diadakan di tempat kerja kami, dari latihan keselamatan kebakaran asas sehingga ke latihan pengosongan bangunan secara besar-besaran dijalankan untuk memastikan kakitangan kami bersedia dan membiasakan diri dengan tindak balas kecemasan dan rancangan pengurusan krisis kami.



JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Kiri ke kanan: Purushothaman s/o Kumaran, Ong Teng Cheng, Raw Koon Beng, Khor Kiem Teoh dan Loy Boon Chen

ELEMEN-ELEMEN PENTING LAIN KAWALAN DALAMAN

Elemen-elemen penting lain bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk:

- penugasan tanggungjawab yang dinyatakan dengan jelas kepada jawatankuasa Lembaga dan kepada unit-unit pengendalian, termasuk kuasa kebenaran bagi semua aspek perniagaan yang dinyatakan dalam campuran kuasa;
- polisi dan prosedur opeasi yang didokumenkan dengan jelas yang tertakluk kepada penyemakan dan peningkatan secara kerap;
- maklumat komprehensif yang disediakan secara kerap kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan petunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan dan prestasi aliran tunai;
- proses bajet yang terperinci di mana unit-unit pengendalian menyediakan bajet-bajet bagi tahun akan datang yang diluluskan di kedua-dua peringkat unit bahagian dan oleh Lembaga Pengarah penuh;
- pengawasan keputusan bulanan berbanding bajet, dengan variasi-variasi utama disusuli dan tindakan-tindakan pengurusan diambil, di mana perlu; dan
- lawatan-lawatan ke unit-unit pengendalian oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan.

Sepanjang tahun, semua Bahagian dalam Kumpulan telah melaksanakan kajian tahunan mereka ke atas profil-profil risiko mereka dan selaras dengan itu perubahan-perubahan tertentu kepada pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman telah dibuat. Perubahan-perubahan telah disemak oleh RMC dan kemudiannya dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Beberapa kelemahan minor kawalan dalaman telah dikenal pasti dalam tempoh tersebut, yang mana kesemuanya telah, atau sedang, ditangani. Tidak ada kelemahan yang mengakibatkan mana-mana kerugian material, kontigensi, atau ketidakpastian memerlukan penzahiran dalam laporan tahunan Kumpulan.

Kumpulan akan terus mengawasi semua risiko utama yang melibatkan Kumpulan di bawah RMC dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengurang atau menghapuskan risiko-risiko ini, serta menyediakan rangka kerja bagi melindungi kedudukan saing kami di seluruh dunia.



JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO (samb.)

Kiri ke kanan: Khoo Kah Hock, Sivakumar s/o Rajappan, Wee Kee Hong, Pang Sek Loh, Low Hong Imm dan Chiong Chin Chai

Pernyataan Kualiti



Audit kualiti sering dijalankan



Kajian Jawatankuasa Pengurusan Kualiti sedang dijalankan



Pengujian kawalan kualiti sedang dilakukan

Berpegang teguh dengan motonya "Kecemerlangan melalui Kualiti", Kumpulan adalah komited untuk menyerah produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan berkualiti, dan terus mengusahakan standard yang tinggi untuk memastikan bahawa Kumpulan kekal berdaya saing dalam perniagaan.

DASAR MENGENAI KUALITI

Sejajar dengan penjenamaannya Mercu Kecermelangan, Kumpulan telah menerima pakai dasar-dasar yang berikut:

- semua projek dan perkhidmatan yang dijalankan akan dilaksanakan dalam cara yang mengatasi jangkaan pelanggan-pelanggan;
- standard kualiti bagi produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan akhir akan dipertingkatkan melalui kajian berterusan dan kemajuan proses-proses pembinaan serta sistem jaminan kualiti; dan
- kekompeten dan dedikasi pekerja-pekerja kami yang berkelayakan dan dedikasi di semua peringkat akan dipupuk dan dipertingkatkan untuk memberi pelanggan-pelanggan kami perkhidmatan yang lebih baik.

PIAWAIAN PENILAIAN SISTEM KUALITI IJM (IQSAS)

Kumpulan telah mewujudkan Sistem Pengurusan Kualiti yang telah diperakui kepada ISO 9002:1994 pada 1996. Sejak itu, Kumpulan telah berjaya memperbaharui pentauliahannya setiap tahun.

Selain itu, Kumpulan telah membangunkan standard yang dikenali sebagai Standard Penilaian Sistem Kualiti IJM (IQSAS) untuk terus mempertingkatkan standard kualiti bagi bangunan yang telah disiapkannya. IQSAS adalah sistem penilaian kawal sendiri kaedah prosedur dan pengujian dalam mana piawai-piawai dinyatakan bagi pelbagai aspek kualiti dan keselamatan pembinaan bangunan.

PENINGKATAN KUALITI BERTERUSAN

Kumpulan mengiktiraf keperluan untuk mengekalkan piawai kualitinya secara berterusan. Dengan operasinya kini diperluaskan ke negara-negara seperti India dan Timur Tengah, menangani isu-isu kualiti dan menanam budaya kualiti dalam tenaga kerjanya menjadi lebih mencabar. Sistem pengurusan kualiti dalam operasi di India telah melalui penilaian dengan tujuan untuk melaksanakan IQSAS dalam semua projeknya di sana.

Peningkatan kualiti terus mendapat keutamaan yang tinggi, sebagaimana dapat dilihat melalui langkah-langkah berterusan yang berikut:

- peningkatan Manual Kualiti dan Manual Prosedur Kumpulan;
- konsep berkongsi pengetahuan melalui iPortal Jabatan Sistem Kualiti;
- penggabungan Polisi dan Prosedur Kualiti dalam Buku Panduan Pengurus Projek;
- penilaian kerja awam IQSAS telah dijalankan untuk semua projek infrastruktur; dan
- pembangunan dan latihan kakitangan dari semasa ke semasa.

Tidak hanya berpuashati dengan penghargaan yang diperolehnya, Kumpulan terus mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan amalan IQSAS dan kualitinya. Kitaran kualitinya terus dicartakan dengan menilai keputusan-keputusan dan syor-syor daripada:

- Jawatankuasa Pengurusan Kualiti;
- audit kualiti dalaman; dan
- kajian tahunan.

PENTAULIAHAN ISO

Kumpulan berhasrat untuk mencapai pematuhan ISO 9000 dalam semua operasi perniagaannya. Sehingga kini, sejumlah sebelas syarikat di bawah kendaliannya telah memperolehi pentaulahan sejak 1996, dengan Jurutama Sdn Bhd merupakan yang terbaru.

1. IJM Corporation Berhad
2. IJM Construction Sdn Bhd
3. Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
4. IJM Building System Sdn Bhd
5. Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
6. IJM Properties Sdn Bhd
7. IJM (India) Infrastructure Ltd
8. Industrial Concrete Products Berhad
9. Expedient Resources Sdn Bhd
10. Durabon Sdn Bhd
11. Jurutama Sdn Bhd

Kumpulan amat mementingkan kemasan kualiti



Penyata Mengenai Kesihatan,

Keselamatan & Alam Sekitar



Kumpulan mengutamakan amalan-amalan keselamatan dalam operasi-operasinya, seperti mempraktikan perintangan rentangan keselamatan, dinding adang dengan papan tanda dan latihan pengawalan api

Kumpulan secara berterusan berusaha untuk meningkatkan amalan alam sekitar, keselamatan dan kesihatan dengan objektif untuk mencapai pembangunan boleh dikekalkan jangka panjang, persekitaran kerja sihat dan mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan. Moto Kumpulan "Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Semua" telah menjadi prinsip panduan untuk membudayakan tahap tinggi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan untuk mewujudkan kesedaran alam sekitar ke dalam budaya kerjanya.

KESIHATAN & KESELAMATAN

Keutamaan dititik beratkan ke atas kepada keselamatan sistem dan proses Kumpulan dalam menjalankan perniagaannya. Sistem dan proses ini diuji dan diperakui oleh SIRIM pada bulan November 2000, dan pensijilan Siri Penilaian Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (OHSAS) 18001:1999 telah dikeluarkan kepada IJM Corporation Berhad dan IJM Construction Sdn Bhd - syarikat-syarikat Malaysia pertama yang dianugerahkan pensijilan antarabangsa dalam industri pembinaan. Syarikat-syarikat ini telah berjaya mengekalkan pensijilan ini sejak itu.

Kumpulan telah pun mempunyai sistem keselamatan berstruktur dan komprehensif untuk:

- mengkaji kesesuaian polisi keselamatan, objektif dan sasaran bagi peningkatan berterusan;
- mengkaji prestasi keselamatan dan keputusan audit sistem keselamatan; dan
- mengesyorkan tindakan pembetulan dan pencegahan.

Untuk mencapai objektif Kumpulan bagi mencegah bahaya kecederaan dan kesihatan pekerjaan, dan jaminan keselamatan awam di semua lokasi operasinya, polisi telah dirumuskan bagi memastikan:

- pematuhan dengan semua perundangan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) dan lain-lain keperluan HSE;
- membiasakan semua kakitangan dan pemegang amanah kepentingan dengan latihan, maklumat dan kemudahan;
- meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban pada semua peringkat pertubuhan; dan
- pemantauan dan penyemakan berterusan terhadap objektifnya yang ditetapkan.

Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Kumpulan (HSED) telah merumuskan Manual dan Prosedur Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan untuk menyediakan panduan kepada semua kakitangannya. HSED telah juga menjalankan sejumlah 35 audit keselamatan dan 25 pemeriksaan mengejut merangkumi projek aktif sedia ada pada peringkat pembinaan berlainan. Tindakan pembetulan dan pencegahan, di mana perlu, telah disyorkan untuk membetulkan kelemahan dan kekurangan.

Sistem Keselamatan dan Kesihatan

Pelbagai jawatankuasa dan amalan telah ditubuhkan untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan dalam persekitaran pekerjaan. Jawatankuasa termasuk:

1. **Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar** - jawatankuasa ini bermesyuarat berkala untuk mengkaji operasi sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan;
2. **Jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar** - untuk membantu pembangunan peraturan keselamatan dan kesihatan, menjalankan pemeriksaan dan mengkaji polisi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
3. **Sistem Penilaian Kesihatan dan Keselamatan IJM** - sistem dibangun berdasarkan piawaian OHSAS 18001 untuk mewujudkan piawaian bagi pelbagai aspek keselamatan kerja pembinaan yang dijalankan;
4. **Rancangan Keselamatan dan Kesihatan** - rancangan direka bentuk untuk memastikan bahawa, sebelum pelaksanaan kerja pembinaan, semua operasi yang dijalankan mematuhi sepenuhnya dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan
5. **Petunjuk Prestasi** - sistem pemantauan diaktifkan ini dijalankan melalui pengumpulan dan analisis beberapa penunjuk prestasi penting.

Kehilangan Masa Akibat Kecederaan

Bagi 2005, 20 projek yang sedang dilaksanakan mencapai sasaran masing-masing bagi jam-kerja tanpa Kehilangan Masa Akibat Kecederaan (LTI), dengan projek seperti Landasan Berkembar Rawang-Ipoh (Membina Stesen), Impiana @ KLCC, Alam Warisan (Pakej 3) dan Kondominium Mewah KLCC melebihi tanda 1-juta jam-kerja. Belum berpuas hati, usaha berterusan oleh Kumpulan akan diberi penekanan apabila kami berusaha bersungguh-sungguh dalam memanfaatkan persekitaran kerja lebih baik, lebih selamat dan sesuai sejajar dengan dasar "kemalangan sifar", bagi semua kakitangan kami.

Laporan Ketidakpatuhan (NCR)

Selain daripada pemeriksaan tahunan, beberapa tapak projek di bawah anak syarikat IJM Construction Sdn Bhd dan Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd juga tertakluk kepada audit pemantauan ketat oleh SIRIM. Sebuah lagi anak syarikat, Torsco Sdn Bhd telah mendapat NCR dalam jumlah yang kecil, tetapi secara keseluruhan, terdapat peningkatan besar sebagaimana dibuktikan oleh IJM Construction Sdn Bhd yang menerima NCR sifar pada tahun 2005 berbanding dengan 5 yang dikeluarkan pada tahun 2003.

Latihan dan Kesedaran Berterusan

Dalam tahun ini, pelbagai program latihan dan kesedaran telah diadakan untuk mempromosi budaya keselamatan proaktif. Program termasuk antara lain Pengenalan Kepada Sistem Penilaian Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (OHSAS) 18001, Latihan Kebakaran, Penyiasatan Kemalangan, Latihan Pertolongan Cemas & CPR, Arahan Bekerja Dengan Selamat, Kesediaan Bertindak Kepada Kecemasan, Keselamatan Loji dan Mesin, Bahaya Bunyi dan Latihan Aram-aram (bekerjasama dengan Akademi BinaanMalaysia).

Kempen Bulan Keselamatan & Kesihatan 2005 telah juga diadakan dengan pameran keselamatan dan kesihatan daripada BOMBA, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Nasional (NIOSH) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH). Buku kecil Panduan Keselamatan telah juga dilancarkan semasa kempen ini.

ALAM SEKITAR

Keberkekalan perniagaan adalah untuk memastikan kejayaan ekonomi jangka panjang di samping menjaga alam sekitar. Kumpulan memantau dengan kerap bidang keimbangan alam sekitar dengan tujuan mengambil langkah-langkah terlebih dahulu untuk mencegah kerosakan tidak dapat dipulihkan seperti sedia kala kepada alam sekitar.

Komitmen Kumpulan ke arah pelindungan dan penjagaan alam sekitar telah dianugerahkan dengan sijil EMS MS ISO 14001:2004 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd kepada IJM Corporation Berhad, IJM Construction Sdn Bhd dan Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd.

Penyata Mengenai Kesihatan,

Keselamatan & Alam Sekitar

(samb.)

Amalan Alam Sekitar Terbaik

Sistem pengurusan alam sekitar direka secara wajar adalah satu syarat yang wajib bagi kawalan alam sekitar yang cekap. Menyedari fakta ini, semua aspek pemantauan alam sekitar dirancang dengan berhati dan dilaksanakan dalam semua kegiatan Kumpulan.

Pengurusan Sisa

Kami telah menyediakan pengurusan sisa pepejal berkesan di mana kaedah pelupusan kerap dan berkesan semua buangan daripada tapak pembinaan dan pembangunan harta kami dijalankan. Bahagian Perladangan kami telah menetapkan "buangan sifar" bagi kilang minyak sawitnya. Efluen minyak sawit (POME) diguna kepada tanah terutamanya sebagai pengairan selepas melalui proses rawatan biasa. Akibat daripada amalan ini, beban pencemaran ke atas tanah di mana POME diguna diminimumkan.

Loji biokompos di Sabang menukar serat yang dicincang daripada tandan buah kosong (EFB) dan POME kepada kompos organik separuh terurai bagi penggunaan dalam estet Sugut. Abu tandan diperoleh daripada pembakaran EFB di kilang minyak sawit Desa Talisai dikitar balik ke estet dan membantu mengantikan baja bukan organik 'potash'.

Kawalan Banjir

Kegiatan pembinaan dan pembangunan harta kami menjalankan kerja tanah untuk mencegah banjir di kawasan rendah. Selain daripada itu, kolam penahanan dibina untuk mengatur aliran air hujan untuk mencegah banjir,


Kawalan Hakisan

Untuk membantu mengurangkan hakisan tanah, pembangunan berfasa dijalankan dalam kegiatan pembangunan kami memandangkan ini akan meminimumkan pendedahan tanah kepada hujan. Kaedah ini juga membolehkan kami untuk melaksanakan langkah-langkah seperti menanam rumput di cerun bukit untuk memastikan kecerunan bukit berada pada gradien boleh diterima untuk mencegah kegagalan cerun.

Operasi pengkuarian kami juga menerima pakai kaedah merumput di kawasan bukit yang dipotong untuk mencegah tanah runtuh dan kesan buruk lain kepada alam sekitar. Lain-lain langkah pemeliharaan termasuk melanskap taman dan pemasangan sistem kolam ikan dan air terjun untuk mewujudkan persekitaran estetik.

Di ladang kami, menanam penutup bumi kekacang termasuk *Mucuna bracteata* dimulakan sebaik sahaja selepas pembersihan tanah dalam semua pembangunan perladangan baru dan tanaman semula untuk meminimumkan kehilangan tanah. Tanaman penutup bumi mempunyai manfaat lain termasuk penukar nitrogen atmosfera kepada bentuk yang boleh digunakan oleh tumbuh-tumbuhan, tambahan daripada bahan organik kepada tanah, peningkatan dalam kedua-dua ciri fizikal dan kimia dan membantu untuk merendahkan suhu tanah dan memelihara kelembapan.

Kadar Kekerapan (kiri) dan Kadar Keterukan (kanan), berdasarkan fakta kescederaan merugikan masa (LTI) menunjukkan perbaikan



Kawalan Kualiti Udara

Pembakaran terbuka dilarang di semua tapak pembinaan dan pembangunan harta kami. Pemercikan air dengan kerap juga dijalankan, manakala sistem pemercikan dipasang pada penghancur kami, penghantar kami di sepanjang laluan masuk ke kuari untuk mengurangkan pencemaran habuk.

Ladang kami menerima pakai bakar sifar bagi semua penanaman semulanya. Dasar ini ditulis di dalam kontrak pembersihan tanah di mana khidmat kontraktor pihak ketiga digunakan. Dalam pembangunan ladang baru, pembakaran sifar adalah polisi yang diutamakan, tetapi sekiranya keadaan mewajarkan, pembakaran terkawal akan dijalankan setelah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

Penyerapan karbon memainkan peranan penting dalam pengurangan gas karbon dioksida dalam atmosfera. Pokok kelapa sawit dalam Kumpulan IJMP telah menyerap lebih daripada setengah tan metrik karbon tahun lepas, dengan itu menyumbang kepada pembuangan gas rumah hijau daripada atmosfera.

Kawal Tahap Bunyi

Kaedah mencerucuk wajar yang betul semasa kerja-kerja asas di tapak pembinaan kami untuk mengurangkan pencemaran bunyi. Dalam perniagaan pengilangan kami, bahagian menerima ini pakai langkah-langkah pengurangan bunyi seperti jaringan getah dalam operasi penyaringan dan bahan perlindungan bunyi ditebatkan dalam bilik kawalan di kuari kami. Perunding bebas juga dilantik untuk mengkaji tahap bunyi yang boleh dibenarkan manakala kakitangan diperlukan untuk memakai peralatan perlindungan, di mana perlu.

Kawalan Kualiti Air

Kami membina sistem penyaliran pembuangan air yang betul di semua lokasi kegiatan kami. Kolam pemendapan, perangkap ‘silt’ dan ‘bunker’ dibina untuk memerangkap ‘silt’ untuk mencegah sisa dibuang ke dalam sungai semasa hujan turun lebat.

Pengurusan Perosak Bersepadu

Kegiatan melibatkan pengumpulan, pembiakan dan penggandaan serangga pemangsa telah dijalankan dalam insectarium dalam OTRC bagi pelepasan akhirnya dalam estet. Selain daripada tumbuh-tumbuhan semula jadi terpelbagai yang sudahpun diawetkan, tumbuh-tumbuhan khusus yang manfaat bertindak sebagai sumber makanan alternatif bagi pemangsa perosak dibiakkan dan ditanam di seluruh estet. Tahun lepas, tumpuan khusus diberi ke arah menambahkan spesies *Antigonon* di seluruh estet Kumpulan IJMP. Dalam mengawal kumbang badak sumbu, *Oryctes rhinoceros*, kedua-dua feromon dan bioracunperosak seperti *Metarrhizium* digunakan. Penggunaan burung pungguk bagi kawalan biologi bagi tikus di Sandakan sedang dikaji dengan ahli-ahli berminat yang lain dalam industri kelapa sawit.

Amalan alam sekitar terbaik oleh IJM diiktirafkan dengan pensijilan EMS ISO 14001

Pengawasan perangkap kelodak berterusan di projek Cahaya Alam kami



Tanggungjawab Sosial Korporat



Kumpulan terus membuat pendermaan kepada badan-badan amal, seperti semasa IJM Golf Challenge

Prihatin terhadap alam sekitar

Pembangunan sukan terus mendapat sokongan IJM

Komitmen IJM dalam menyampaikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti berkait rapat dengan dedikasinya yang berterusan untuk menerima pakai dan melaksanakan amalan terbaik dalam operasi perniagaannya. Menyedari akan kesan operasinya ke atas masyarakat, Kumpulan berusaha untuk memastikan agar kepentingan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan utamanya, daripada pemegang-pemegang saham, para pelabur, pelanggan-pelanggan dan para kakitangan hinggaalah komuniti yang lebih besar sentiasa dijaga. Dengan mengambil kira pembangunan berterusan, Kumpulan cuba untuk tampil menerajui amalan-amalan tanggungjawab sosial dan berharap untuk membawa kelainan dalam masyarakat yang kami beroperasi.

Budaya korporat Kumpulan distrukturkan sedemikian agar ia saling mendatangkan manfaat. Dengan menyepakuk nilai-nilai sosial dalam membuat keputusan perniagaannya, IJM berhasrat untuk mencapai hasil yang positif dan mapan bagi perniagaan, alam sekitar dan komuniti yang lebih besar.

ETIKA PERNIAGAAN

Kumpulan IJM telah sentiasa mengamalkan konsep 'etika jujur' dalam amalan perniagaan kami sejak penubuhannya pada tahun 1983. Kumpulan merancang dan menerima pakai polisi perniagaan kukuh yang praktikal, mudah dan bermanfaat. Komitmen ini terhadap etika perniagaan yang cemerlang telah memanfaatkan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan dalam banyak cara. Ini termasuk penyerahan produk-produk dan perkhidmatan yang berkualiti tepat pada masa, mencapai operasi tanpa kemalangan, penyingkirkan risiko kesihatan pekerjaan, dan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Kumpulan juga mempunyai struktur berkesan dan cekap, proses perniagaan yang teguh serta strategi pengantarabangsaan untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang-pemegang pelbagai kepentingan.

Dalam semua dasarnya, Kumpulan tidak mendiskriminasikan mana-mana kaum, jantina, umur atau minoriti. Dasar-dasar ini bertindak sebagai prinsip-prinsip yang membimbing untuk menyemai budaya kerja yang meletakkan kepentingan yang tinggi ke atas profesionalisme, integriti dan urus tadbir yang baik.

Dasar-dasar dan prosedur Kumpulan ke atas beberapa amalan terbaik telah disiarkan secara meluas melalui laman web dan Portal Maklumat Kumpulan, surat berita berkala dan laporan tahunan. Penyata-penjelasan polisi juga dipaparkan secara meluas dalam beberapa lokasi dalam organisasi. Untuk terus meningkatkan amalan urus tadbir yang baik, Kumpulan telah menubuhkan prosedur *whistle-blowing* supaya kakitangan boleh melapor kes-kes penipuan atau ketidakteraturan di dalam Kumpulan kepada Jabatan Audit Dalaman, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan atau Setiausaha Syarikat. Kotak cadangan juga boleh didapati bagi komen dan maklum balas daripada kakitangan.

Lebih banyak maklumat mengenai amalan pengurusan terbaik dan etika perniagaan lain Kumpulan disediakan dalam seksyen-seksyen lain laporan ini.

UTAMAKAN KESELAMATAN

Kumpulan percaya bahawa keselamatan adalah paling utama dalam semua aspek operasinya. Usaha-usaha bersepada sentiasa dibuat untuk mewujudkan kesedaran mengenai tanggungjawab kolektif di kalangan kakitangannya bagi pencegahan kecederaan dan bahaya kesihatan pekerjaan serta jaminan keselamatan awam apabila melaksanakan kegiatan perniagaannya.

Sila rujuk kepada *Penyata mengenai Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar* untuk maklumat lebih lanjut.

KEPUASAN PELANGGAN

Objektif Kumpulan untuk sentiasa mencari standard kualiti terunggul telah memastikan bahawa produk-produk dan perkhidmatannya mendapat pengiktirafan yang kukuh daripada pelanggan-pelanggan dan membolehkannya untuk terus kekal berdaya saing dalam perniagaan. Terdapat pengiktirafan daripada Kementerian Kerja Raya, meletakkan Kumpulan di kalangan kontraktor terkemuka di Malaysia. Terdapat juga banyak pujian yang diterimanya bagi bangunan perumahan kos rendah berkualiti tinggi.

Amalan kualiti Kumpulan dibentangkan secara meluas dalam *Penyata mengenai Kualiti*.

PERHUBUNGAN PELABUR

Sejajar dengan amalan urus tadbir korporat yang baik, IJM sentiasa memberikan keutamaan ke atas kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pendedahan maklumat kepada pemegang-pemegang pelbagai kepentingan kami. Kumpulan telah memperkenalkan program-program Perhubungan Pelabur (IR) yang memberikan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan dan pelabur-pelabur wawasan tidak ternilai dalam urusan perniagaan kami dan menyediakan dialog interaktif dalam cara kami menjalankan perniagaan kami. Pelawat-pelawat laman web Kumpulan juga digalakkan untuk mengemukakan maklum balas mereka agar perkhidmatannya kepada semua pemegang pelbagai kepentingan dapat ditingkatkan lagi.

Maklumat lanjut mengenai Perhubungan Pelabur Kumpulan boleh didapati dalam *Penyata Urus Tadbir Korporat*.

KEPRIHATINAN TERHADAP WARGA KERJA KAMI

Warga kerja kami adalah aset yang sangat bernilai. Menyedari kepentingan ini, Kumpulan berusaha sedaya upaya dalam memastikan warga kerja kami dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk sentiasa menerajui perniagaan kami. Sambil kami berusaha untuk menjana pulangan bagi pemegang-pemegang saham kami, kami juga berusaha untuk cuba mengimbangi komitmen kami kepada warga kerja kami. Untuk tujuan ini, kami telah menganjurkan beberapa kegiatan sepanjang tahun, berkisar daripada latihan hingga perjumpaan sosial serta kegiatan rekreasi.

Penekanan ke atas bantuan latihan dan pembangunan dalam mencartakan dan mempertingkatkan kekompetenan dan pengetahuan wargakerja kami



Tanggungjawab Sosial Korporat (samb.)

Latihan & Pembangunan

Sebagai organisasi yang berdasarkan pembelajaran, kami berpegang teguh kepada kepercayaan dalam latihan dan pembangunan yang berterusan. Beberapa program telah dijalankan sepanjang tahun dengan tumpuan terhadap menaik taraf kekompetenan warga kerja kami untuk mempamerkan potensi terpendam mereka sambil mewujudkan kumpulan berbakat bagi perancangan penggantian. Dalam tahun 2005, sejumlah RM561,785 telah dilaburkan ke atas latihan berstruktur, bengkel dan seminar meliputi bidang-bidang pengurusan, teknikal, komunikasi, pentadbiran dan lain-lain kemahiran mudah. Secara keseluruhan, 19,604 jam manusia latihan telah disediakan kepada kakitangan di semua peringkat

Beberapa program yang diatur oleh Kumpulan termasuk:

- ▶ **Teknikal -**
 - Kejuruteraan Geoteknikal 2005
 - Projek Peningkatan FRS
 - Ukur Bahan
 - Penyiasatan Kemalangan
 - Kualiti
- ▶ **Pengurusan -**
 - Pelaporan Kebertahanan Korporat: Pendekatan Praktikal
 - Pengurusan Risiko Strategik Dan Operasi
- ▶ **Komunikasi -**
 - IJM Toastmasters Club
 - Berkommunikasi Dalam Penulisan
- ▶ **Pentadbiran -**
 - Khidmat Pelanggan & Teknik-teknik Telefon
 - Latihan Penjaga Stor
- ▶ **Orientasi dan Induksi bagi kakitangan baru**
- ▶ **Amalan Pengurusan Perladangan Terbaik**

Satu bengkel bina semangat bertema, "Making a Difference" dianjurkan untuk menanam kepercayaan dalam warga kerja kami mengenai konsep 'perkongsian destini'. Ia menyokong gaya pengurusan yang menggabungkan pendekatan semasa kerja yang proaktif pada semua peringkat untuk mengekalkan standard tinggi dalam prestasi kerja kami.


Penghargaan Kesetiaan

Kumpulan menghargai kesetiaan kakitangan yang telah memberikan perkhidmatan selama 20 tahun. Anugerah Perkhidmatan Lama disampaikan semasa Makan Malam dan Tarian Tahunan syarikat dan anugerah persaraan khas juga diberikan kepada kakitangan yang akan bersara yang telah berkhidmat dengan syarikat bagi tempoh sekurang-kurangnya 15 tahun.

Lebih Daripada Sekadar Kerja

Kelab Sukan IJM (KSIJM) telah ditubuhkan oleh Kumpulan untuk menganjurkan beberapa kegiatan sosial, sukan dan kebajikan bagi warga kerja kami.

Selain daripada kerja, menggalakkan gaya hidup berkualiti bagi kakitangan kami melalui bengkel peningkatan diri, percutian rehat dan kegiatan sukan yang sihat





Kami terus memberi sokongan kami melalui program kemasyarakatan seperti kempen derma darah, kegiatan pendidikan awam dan menyokong pendidikan di kawasan-kawasan pendalam.

Perjumpaan Sosial

Kami komited untuk menggalakkan interaksi kakitangan dengan sentiasa menghimpunkan bersama setiap orang dalam keluarga IJM. Menerusi komitmen ini, usaha-usaha dibuat untuk mengukuhkan ikatan persahabatan dan keakraban sambil menanam rasa sayang menyayangi di kalangan kakitangan.

Majlis Makan Malam & Tarian Tahunan dan Hari Keluarga adalah antara beberapa acara dan perjumpaan yang diadakan. Lain-lain termasuk keraian makan malam istimewa berhubung dengan perayaan-perayaan utama Malaysia dan wayang gambar di mana kakitangan dan keluarga mereka disajikan dengan 'Harry Potter: The Goblet of Fire' dan 'The Chronicles of Narnia'.

Percutian pendek juga telah diatur di mana kakitangan dan ahli keluarga menikmati peluang ke destinasi-destinasi percutian popular seperti Langkawi dan Redang untuk berehat dan bersantai.

Kelas perapian diri mengenai tip-tip fesyen dan trend gaya terkini juga dijalankan dan ini ternyata mendapat sambutan hangat di kalangan warga kerja kami.

Kehidupan Yang Sihat

Kami percaya minda yang sihat bermula dengan badan yang sihat. KSIJM telah secara aktif menggalakkan gaya hidup yang sihat menerusi beberapa latihan.

Kompleks Sukan IJM-COBRA terus menjadi tempat pilihan di mana kakitangan boleh menikmati kegiatan sukan dan kecergasan seperti badminton, skuasi, pilates dan jazzercise. Perlawanan sukan dalaman, seperti futsal, boling, lontar damak dan karom, juga telah dianjurkan untuk menggalakkan kehidupan yang sihat dan interaksi kakitangan.

Sesi ceramah kesihatan dan ujian pemeriksaan saringan kesihatan kerap dijalankan untuk mendidik warga kerja kami mengenai kepentingannya.

PERKHIDMATAN KOMUNITI

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Kumpulan sentiasa menghulurkan bantuan kepada kerja-kerja kebajikan sosial, biasiswa dan pembangunan sukan dalam pelbagai bentuk.

Di peringkat kakitangan, kami menggalakkan warga kerja kami untuk memainkan peranan dalam kerja komuniti dengan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan seperti kempen derma darah. Misalnya pada 27 September 2005 kempen ini diadakan di Ibu Pejabat. Sukacita dilihat ramai daripada mereka memberi sedikit sebanyak sumbangan sebagai penderma meskipun terpaksa mengorbankan sebahagian daripada masa kerja mereka untuk berbuat sedemikian.

Di peringkat Kumpulan, kami berkongsi kekayaan kami melalui kerja-kerja bersifat dermawan dengan menyumbang sejumlah RM2.5 juta kepada beberapa pertubuhan amal sepanjang tahun. Antara penerima sumbangan termasuklah, Hospis Malaysia, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia, Pertubuhan Pertolongan Wanita, Malaysian Care, dan banyak lagi.

Kami terus menyokong Bursa Malaysia Rat Race tahunan dalam usahanya bagi mengumpul dana untuk tujuan amal melalui penyertaan pasukan pelumba lari kami dan pasukan penyorak ceria kami.



Tanggungjawab Sosial Korporat (samb.)

Sejajar dengan misi Perdana Menteri kita untuk mewujudkan generasi muda Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang, kami menyediakan bantuan kewangan kepada mahasiswa yang patut menerima bantuan dan pujian. Anugerah Biasiswa IJM diberikan setiap tahun dalam bidang-bidang Perakaunan, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Perumahan, Bangunan & Perancangan dan Ukur Bahan. Ini akan juga menyediakan kami dengan aliran profesional berkaliber yang stabil untuk mengekalkan dan merangsang semula pertumbuhan jangka panjang kami.

Kumpulan memainkan peranan dalam membangunkan tahap sukan negara. Pada tahun 2005/06, kami telah menaja acara sukan seperti 36th HSBC-COBRA Invitational Rugby 10s 2005, IJM Corporate Golf Challenge Malaysia 2006, 5th Borneo Cobra International Rugby 10s Tournament 2005, 10th IJM/Adidas Invitational Football Tournament 2005 dan IJMP Futsal Endurance 2005.

Sumbangan tahunan disalurkan ke arah pembangunan sukan remaja di Malaysia melalui "SportExcel", sebuah yayasan bagi kecemerlangan sukan Malaysia. Untuk menggalakkan lagi pembangunan ragbi di peringkat awal, terutamanya di Sabah, Akademi bagi Kecemerlangan Ragbi telah ditubuhkan dalam program pembangunan bersama dengan kesatuan ragbi dan jabatan pelajaran negeri. Satu program yang serupa dengan kerjasama daripada COBRA sedang dilaksanakan di Malaysia Barat, terutamanya dalam pembangunan guru sebagai jurulatih.

KEMPEN HIJAU

Muhibah negatif mewakili lebihan nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti ke atas kos pengambilalihan dan dikreditkan kepada rizab dalam tahun pengambilalihan. Sehingga tahap yang muhibah negatif berkait dengan jangkaan mengenai kerugian dan perbelanjaan masa hadapan dikenal pasti dalam rancangan Kumpulan bagi pengambilalihan dan boleh dikira dengan agak betul, tetapi yang tidak mewakili liabiliti boleh dikenal pasti, bahagian daripada muhibah negatif tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila kerugian dan perbelanjaan masa hadapan diiktiraf. Semua muhibah negatif yang lain dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang tempoh selama 20 tahun.

G. Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos, melainkan pada pendapat para Pengarah, terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan tersebut. Di mana terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan, pengurangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana pengurangan dikenal pasti.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh dipasar dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan atas dasar agregat portfolio. Kos diperolehi atas dasar purata wajaran. Nilai pasaran dikira melalui rujukan kepada harga jualan disebut harga bursa saham pada penutup perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Peningkatan/pengurangan dalam nilai dibawa sekuriti boleh dipasar dikreditkan/dicaj kepada penyata pendapatan.

Atas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai dibawanya dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

H. Terjemahan Mata Wang

Urusniaga mata wang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang terdapat pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran timbul daripada penyelesaian perkara-perkara monetari atau atas terjemahan aset dan liabiliti monetari pada kadar pertukaran yang terdapat pada akhir tempoh dimasukkan dalam penyata pendapatan.

Perbezaan pertukaran timbul ke atas pinjaman mata wang asing yang telah digunakan untuk membiayai pelaburan ekuiti dalam mata wang asing diuruskan melalui rizab terjemahan mata wang sehingga tahap yang ia diliputi oleh perbezaan pertukaran timbul ke atas aset bersih diwakili oleh pelaburan ekuiti. Perbezaan ini diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan selepas pelupusan pelaburan tersebut.

Perbezaan pertukaran timbul atas perkara monetari yang sebenarnya membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan atau Syarikat dalam entity asing dikelasifikasikan sebagai ekuiti sehingga pelupusan pelaburan bersih, pada masa masa perbezaan pertukaran dimasukkan kepada penyata pendapatan.

Aset dan liabiliti anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu asing, sama ada berbentuk monetari dan bukan monetari, diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang terdapat pada akhir tahun kewangan; dan perkara-perkara pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Semua perbezaan pertukaran terhasil diuruskan melalui rizab terjemahan pertukaran.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama timbul atas pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti mata wang tempatan entiti asing dan diterjemahkan selaras dengannya pada kadar penutup.

H. Terjemahan Mata Wang (samb.)

Kadar penutup utama digunakan dalam terjemahan jumlah mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira adalah seperti berikut:-

Mata wang asing	31.3.2006 RM	31.3.2005 RM
1 Dolar US	3.685	3.800
1 Dolar Australia	2.637	2.932
1 Dolar Singapura	2.277	2.306
1 Dolar Hong Kong	0.475	0.487
1 Renminbi China	0.459	0.459
1 Rupee India	0.083	0.087
1 Dolar New Zealand	2.257	2.694
1 Euro	4.482	4.917
1 Peso Argentine	1.196	1.303
1 Pound Sterling	6.429	7.145
1 Dirham UAE	1.004	1.035

I. Harta, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan kecuali bagi tanah pegangan kekal dan modal kerja dalam pelaksanaan yang mana tidak disusutnilaikan.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat tidak terhad. Susut nilai ke atas aset dalam pembinaan bermula apabila aset sedia untuk kegunaan dihasratkan.

Kumpulan melunaskan semua tanah pegangan pajak dalam ansuran sama rata berdasarkan tempoh pajakan. Ke atas lain-lain aset, susut nilai dikira untuk menghapus kira kos atau jumlah dinilai semula harta, loji dan peralatan atas dasar garisan lurus pada kadar yang akan menghapus kira aset, tolak anggaran nilai bakinya, ke atas anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan utama susut nilai adalah:-

Tanah pegangan pajak	0.1 - 2.5%
Bangunan	2 - 20%
Loji, mesin dan peralatan	10 - 20%
Peralatan pejabat, perabot dan pepasangan	5 - 33.3%
Ubahsuaian pejabat	10 - 20%
Kenderaan bermotor	20 - 25%

Lebihan timbul atas penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula. Mana-mana defisit timbul daripada penilaian semula dicaj terhadap rizab penilaian semula sehingga tahap lebihan sebelum ini dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua hal lain, pengurangan dalam nilai dibawanya dicaj kepada penyata pendapatan.

Pengarah-pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan daripada Piawaian-piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IAS") 16 ke atas Harta, Loji dan Peralatan yang telah diterima pakai oleh MASB yang membolehkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semula terakhir tolak susut nilai. Selaras dengan itu, penilaian ini tidak dikemas kini.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai penyimpanan aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat Nota AA polisi perakaunan mengenai kerosotan aset.

J. Aset Konsesi

Aset konsesi, terdiri daripada hak-hak untuk mengutip tol selaras dengan perjanjian konsesi masing-masing, dikira pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul. Kos mewakili kos pembinaan (termasuk kos pembinaan semula, pelunasan dan pemulihan) ke atas aset konsesi.

Di mana Kumpulan menyediakan perkhidmatan pembinaan sebagai tukaran bagi aset konsesi, hasil dan keuntungan berkaitan dengan perkhidmatan pembinaan akan diiktiraf selaras dengan polisi perakaunan K(i) mengenai pengiktirafan hasil dan keuntungan kontrak pembinaan di bawah.



RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

Bagi tahun berakhir 31 Mac 2006

J. Aset Konsesi (samb.)

Atas penyiapan kerja-kerja pembinaan dan permulaan operasi tol, set konsesi dilunaskan ke atas tempoh konsesi berdasarkan formula berikut:-

Volum trafik terkumpul sehingga kini

X Kos aset konsesi

Jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi

Jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi ditentukan melalui tinjauan trafik yang dijalankan setiap tahun oleh firma perunding trafik bebas.

Semua kepentingan dan yuran ditanggung dalam tempoh pembinaan dipermodalkan pada kos aset konsesi yang sebaliknya dilunaskan kepada penyata pendapatan selaras dengan formula di atas. Kepentingan dan yuran ditanggung selepas penyiapan pembinaan dicaj kepada penyata pendapatan.

K. Pengiktirafan Hasil dan Keuntungan

(i) Kontrak Pembinaan

Kontrak pembinaan adalah kontrak yang secara khususnya dirundingkan bagi pembinaan aset atau kombinasi aset yang saling berkait rapat dan saling bergantung dari segi rekabentuk, teknologi dan fungsi-fungsi atau tujuan atau kegunaan utamanya.

Apabila hasil daripada kontrak pembinaan dianggarkan dengan agak tepat, hasil dan kos kontrak dikaitkan dengan kontrak pembinaan diiktiraf masing-masing sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat siap kontrak. Peringkat siap kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos kontrak ditanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos kontrak.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak betul, hasil diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak ditanggung yang mungkin boleh diperolehi dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh.

Di mana ia berkemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(ii) Kegiatan Pembangunan Harta

Apabila hasil kegiatan pembangunan boleh dianggar dengan agak tepat dan jualan unit harta pembangunan dilaksanakan, hasil dan kos pembangunan harta masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos pembangunan harta tanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta.

Apabila hasil daripada kegiatan pembangunan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil pembangunan harta diiktiraf hanya sehingga tahap kos pembangunan harta ditanggung yang berkemungkinan boleh diperolehi dan kos pembangunan harta ke atas unit-unit pembangunan dijual diiktiraf apabila ditanggung.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta melebihi jumlah hasil pembangunan harta, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(iii) Jualan Barang

Jualan diiktiraf selepas penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan pelaksanaan perkhidmatan selepas jualan, sekiranya ada, bersih daripada cukai dan diskaun jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

(iv) Hasil Konsesi Tol

Hasil konsesi tol daripada operasi jalan bertol diiktiraf bila dan apabila perkhidmatan dilaksanakan.

(v) Lain-lain Hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru melainkan pengutipan diragui, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.

L. Permodalan Kos Kewangan

Kos pinjaman ditanggung ke atas pinjaman yang dikaitkan secara langsung dengan kegiatan pembangunan harta dan kontrak pembinaan sehingga siap dipermodalkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pembangunan harta dan kos kontrak pembinaan.

Kos pinjaman ke atas pinjaman untuk membiayai pembinaan harta, loji dan peralatan konsesi dalam tempoh yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset untuk kegunaan dihasilatkannya dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset.

Semua kos pinjaman lain dicaj kepada penyata pendapatan.

M. Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Harta dan Kos Pembangunan Harta

Tanah dipegang untuk pembangunan harta terdiri daripada tanah yang dipegang bagi pembangunan masa hadapan di mana tidak ada pembangunan penting telah dilaksanakan atau di mana kegiatan pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak kerugian kerosotan terkumpul. Tanah dipegang bagi pembangunan harta dipindahkan kepada kos pembangunan harta (di bawah aset semasa) apabila kegiatan pembangunan telah bermula dan pembangunan dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa.

Kos dikaitkan dengan pembelian tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain cukai berkaitan. Di mana Kumpulan sebelum ini telah merekodkan tanah pada jumlah dinilai semula, ia terus mengekalkan jumlah ini sebagai kos pemangkuan sebagaimana dibenarkan oleh FRS201²⁰⁰⁴ ke atas Kegiatan Pembangunan Harta. Di mana petunjuk kerosotan wujud, jumlah penyimpanan aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat Nota AA polisi perakaunan mengenai kerosotan aset.

Kos pembangunan harta terdiri daripada kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos boleh dikaitkan secara langsung kepada kegiatan pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada kegiatan ini.

Kos pembangunan harta yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan berkaitan, termasuk perbelanjaan faedah ditanggung dalam tempoh pembangunan aktif.

Di mana hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan melebihi bil-bil kepada pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil-bil terakru di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah belum terima (dalam aset semasa). Di mana bil-bil melebihi hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai bil-bil progres di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar (dalam liabiliti semasa).

Di mana berkenaan, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan menggantikan kos.

N. Inventori

(i) Bangunan Siap

Unit harta pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada perkadaran kos tanah dan pembangunan dan perbelanjaan pembinaan berkaitan.

(ii) Barang Siap, Produk Kuari, Bahan Mentah, Bahan Pembinaan, Simpanan dan Alat Ganti

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasanya dan bagi barang siap dan produk kuari, ia terdiri daripada bahan-bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.



RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

Bagi tahun berakhir 31 Mac 2006

O. Jumlah Ter hutang Daripada/(Kepada) Pelanggan Atas Kontrak Pembinaan

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih ditunjukkan sebagai amaun ter hutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah belum terima. Di mana bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah ter hutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar.

P. Jumlah Dagangan Belum Terima

Jumlah dagangan belum terima termasuk wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Hutang lapuk diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi mana-mana hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

Q. Pajakan

(i) Perakaunan sebagai penerima pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan harta, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih sebahagian besar semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermudahkan pada nilai saksama asset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh permulaan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, bersih daripada caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

Harta, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilaikan sepanjang hayat berguna asset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, asset disusutnilakan ke atas tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

Pajakan kendalian

Pajakan asset di mana bahagian penting daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajakan dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Bayaran dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

(ii) Perakaunan sebagai pemberi pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan asset di mana penerima pajakan mengambil alih sebahagian besar daripada semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Apabila asset dipajak di bawah pajakan kewangan, nilai semasa bayaran pajakan diiktiraf sebagai jumlah belum terima. Perbezaan antara jumlah belum terima kasar dan nilai semasa jumlah belum terima diiktiraf sebagai pendapatan pembiayaan tidak terperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menunjukkan kadar berkala yang seimbang faedah ke atas baki belum dijelas.

Pajakan kendalian

Aset dipajak di bawah pajakan kendalian dimasukkan dalam harta, loji dan peralatan dalam kunci kira-kira. Ia disusut nilakan sepanjang anggaran hayat berguna atas asas-asas yang seimbang dengan harta, loji dan peralatan serupa yang dimiliki. Pendapatan sewa diiktiraf sebagaimana ia terakru melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.



R. Pembangunan Kuari

Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira berdasarkan volum pengeluaran ke atas sepanjang anggaran rizab tersedia daripada permukaan kuari yang dibangunkan.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai dibawa aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat Nota AA polisi perakaunan mengenai kerosotan aset.

S. Yuran lesen

Perbelanjaan ke atas lesen yang diperolehi dipermodalkan dan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya, tidak melebihi tempoh selama 20 tahun. Lesen tidak dinilai semula.

T. Pinjaman

Pinjaman pada mulanya diiktiraf berdasarkan perolehan diterima, bersih daripada kos urusniaga ditanggung. Dalam tempoh-tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan; sebarang perbezaan antara perolehan (bersih daripada kos urusniaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman.

U. Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan selaras dengan undang-undang cukai setiap bidang kuasa dalam mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai, termasuk cukai penahanan perlu dibayar oleh anak syarikat asing, syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama ke atas pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan, dan cukai keuntungan harta tanah perlu dibayar atas pelupusan harta.

Cukai tertunda diperuntukkan, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan pada masa urusniaga, tidak menjaskan sama ada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara timbul ke atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama kecuali di mana pemasaan keterbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan terbalik pada masa hadapan boleh dijangka.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai kepada tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah atau muhibah negatif terhasil.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasa undang-undang untuk diimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih atau untuk merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.



RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

Bagi tahun berakhir 31 Mac 2006

V. Faedah Kakitangan

(i) Faedah Kakitangan Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti sakit, bonus dan faedah bukan wang diakrukan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

(ii) Faedah Selepas Pekerjaan

Kumpulan mempunyai beberapa skim faedah selepas pekerjaan selaras dengan syarat-syarat dan amalan-amalan tempatan dalam negara dalam mana ia beroperasi. Pelan faedah ini adalah sama ada pelan caruman yang dinyatakan atau pelan faedah yang dinyatakan.

Pelan caruman yang dinyatakan adalah pelan pencen di bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu. Pelan faedah yang dinyatakan adalah pelan pencen yang menyatakan jumlah faedah pencen untuk diperuntukkan, pada kebiasaan sebagai fungsi salah satu atau lebih faktor-faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

(a) Pelan Caruman Dinyatakan

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman dinyatakan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kepada mana ia berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi membuat bayaran selanjutnya. (Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), pelan caruman dinyatakan).

(b) Pelan Faedah Dinyatakan

Syarikat dan anak-anak syarikat tertentu mengambil bahagian dalam Skim Persaraan IJM yang merupakan skim faedah yang diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967. Faedah perlu dibayar atas persaraan adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan dan purata gaji asas sepanjang lima tahun terakhir perkhidmatan.

Liabiliti berhubung dengan pelan faedah dinyatakan adalah nilai semasa obligasi faedah dinyatakan pada tarikh kunci kira-kira tolak nilai saksama aset pelan, bersama-sama dengan pelarasan bagi laba/kerugian aktuari dan kos perkhidmatan yang lepas. Kumpulan menentukan nilai semasa obligasi faedah yang diterbitkan dan berbayar dan nilai saksama aset pelan dengan kekerapan mencukupi agar jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan tidak berbeza secara material daripada jumlah yang mungkin ditentukan pada tarikh kunci kira-kira. Obligasi Kumpulan berhubung dengan skim faedah dinyatakan tersebut, dikira dengan menggunakan kaedah unit kredit diunjurkan, ditentukan melalui penilaian aktuari dijalankan setiap tiga tahun oleh ahli aktuari bertauliah.

Laba dan kerugian aktuari timbul daripada pelarasan dan perubahan dialami dalam andaian-andaian aktuari. Jumlah laba dan kerugian aktuari bersih dicaj atau dikreditkan kepada pendapatan sepanjang purata hayat perkhidmatan selebihnya kakitangan berkaitan yang turut serta di mana laba dan kerugian aktuari tidak diiktiraf terkumpul bersih bagi Skim melebihi 10% daripada nilai semasa obligasi faedah dinyatakan dan nilai saksama aset pelan yang mana lebih tinggi.

Selepas penerimaan pakai awal FRS119²⁰⁰⁴ ke atas Faedah Kakitangan, peningkatan dalam faedah liabiliti dinyatakan diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang 5 tahun selaras dengan peruntukan peralihan Piawaian.

(iii) Skim faedah dinyatakan tidak dibiayai

Anak syarikat Kumpulan mengendalikan skim faedah dinyatakan tidak dibiayai. Obligasi bersih anak syarikat berhubung dengan skim faedah dinyatakan ditentukan dengan menganggarkan jumlah daripada faedah masa hadapan yang kakitangan-kakitangan telah perolehi sebagai pulangan bagi perkhidmatan mereka dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu didiskaunkan untuk menentukan nilai semasa liabiliti. Kadar diskaun digunakan adalah kadar hasil pasaran pada tarikh kunci kira-kira ke atas bon korporat berkualiti tinggi atau bon kerajaan. Obligasi anak syarikat berhubung dengan skim faedah dinyatakan tidak dibiayai, dikira dengan menggunakan kaedah unit kredit diunjurkan, ditentukan melalui penilaian aktuari dijalankan dengan ketetapan mencukupi oleh juru aktuari yang layak.

V. Faedah Kakitangan (samb.)

(iii) Skim faedah dinyatakan tidak dibiayai (samb.)

Dalam mengira obligasi anak syarikat berhubung dengan skim, sehingga tahap yang mana-mana laba atau kerugian aktuari tidak diiktiraf terkumpul melebihi 10% daripada nilai semasa obligasi faedah dinyatakan yang mana lebih besar, bahagian tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang purata hayat perkhidmatan dijangka selebihnya yang mengambil bahagian dalam pelan. Jikalau tidak, laba atau kerugian aktuarial tidak diiktiraf.

Jumlah diiktiraf dalam kunci kira-kira mewakili nilai semasa daripada obligasi faedah dinyatakan diselaraskan bagi liabiliti dan aset peralihan yang tidak diiktiraf. Aset peralihan diiktiraf sepenuhnya dalam penyata pendapatan dalam tahun penilaian manakala liabiliti peralihan dibelanjakan kepada penyata pendapatan.

(iv) Faedah pampasan ekuiti

Kumpulan tidak membuat caj kepada penyata pendapatan berhubung dengan opsyen saham diberikan. Di mana opsyen saham dilaksanakan, perolehan diterima, bersih daripada mana-mana kos urusniaga, dikreditkan kepada modal saham dan premium saham.

W. Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki bank, overdraf bank, deposit tuntutan dan pelaburan jangka pendek, berkecairan tinggi yang sedia boleh ditukar kepada jumlah tunai diketahui dan yang tertakluk kepada risiko tidak ketara perubahan dalam nilai.

X. Modal Saham

(i) Pengkelasan

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

(ii) Kos Terbitan Saham

Kos luaran secara langsung boleh dikaitkan kepada terbitan saham baru ditunjukkan sebagai potongan daripada akaun premium saham, sekiranya ada. Dalam hal lain, ia dicaj kepada penyata pendapatan apabila ditanggung.

(iii) Dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Cadangan dividen akhir diakrukan sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang-pemegang saham.

(iv) Rizab Waran

Perolehan daripada terbitan, bersih daripada kos terbitan, dikreditkan kepada rizab waran yang tidak boleh diagih. Rizab waran dipindahkan kepada akaun premium saham selepas pelaksanaan waran dan rizab waran berhubung dengan waran tidak dilaksanakan pada penamat tempoh waran akan dipindahkan kepada perolehan tertahan.

Y. Instrumen-instrumen Kewangan

(i) Instrumen Kewangan Diiktiraf pada Kunci Kira-kira

Kaedah pengiktirafan tertentu diterima pakai bagi instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira dinyatakan dalam penyata polisi individu berkaitan dengan setiap perkara.

(ii) Instrumen Kewangan Tidak Diiktiraf pada Kunci Kira-kira

Kumpulan adalah pihak kepada instrumen kewangan yang terdiri terutamanya daripada kontrak hadapan mata wang asing. Instrumen ini tidak diiktiraf dalam penyata kewangan pada permulaan, tetapi dikemukakan dalam nota-nota berkenaan kepada penyata kewangan.



RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

Bagi tahun berakhir 31 Mac 2006

Y. Instrumen-instrumen Kewangan (samb.)

(ii) Instrumen Kewangan Tidak Diiktiraf pada Kunci Kira-kira (samb.)

Kontrak Mata Wang Asing Hadapan

Kumpulan memasuki kontrak hadapan mata wang asing untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar pada mana aset atau liabiliti mata wang asing akan diselesaikan.

Laba dan kerugian timbul atas kontrak dimasuki sebagai pelindung nilai bagi urusniaga masa hadapan dijangka ditunda sehingga tarikh urusniaga tertentu, pada masa mana ia dimasukkan dalam pengiraan urusniaga sedemikian.

Semua laba dan kerugian pertukaran lain berkaitan dengan instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang sama sebagai perbezaan pertukaran ke atas perkara diindung nilai mendasari. Laba dan kerugian ke atas kontrak yang tidak lagi dipanggil sebagai pelindung nilai dimasukkan dalam penyata pendapatan.

Kontrak Swap Kadar Faedah

Kumpulan menandatangani kontrak swap kadar faedah untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar faedah. Sebarang perbezaan yang akan dibayar atau diterima atas kontrak swap kadar faedah diiktiraf sebagai komponen pendapatan atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh kontrak. Laba dan kerugian pada penamatan awal swap kadar faedah atau bayaran balik pinjaman dimasukkan dalam penyata pendapatan.

(iii) Anggaran Nilai Saksama Untuk Tujuan Pendedahan

Nilai saksama derivatif dan sekuriti yang didagang secara awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak pertukaran mata wang asing hadapan ditentukan dengan menggunakan kadar pasaran pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira. Nilai saksama kontrak swap kadar faedah dikira pada nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen-instrumen kewangan bukan didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga bagi instrumen khusus atau serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih mendasari instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan tempoh kematangan kurang dari satu tahun diandaikan lebih kurang menyamai nilai saksamanya

Z. Geran kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan.

AA. Kerosotan aset

Harta, loji dan peralatan dan lain-lain aset bukan semasa, termasuk aset tidak ketara, disemak bagi kerugian kerosotan apabila peristiwa-peristiwa atau perubahan-perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian kerosotan diiktiraf bagi jumlah untuk yang mana nilai dibawa melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya. Jumlah boleh diperolehi semula adalah harga jualan bersih aset dan nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi. Untuk tujuan menilai kerosotan, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan.

Kerugian kerosotan dicaj kepada penyata pendapatan melainkan ia menterbalikan penilaian semula sebelum ini dalam hal mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Sebarang peningkatan berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia menterbalikkan kerugian kerosotan ke atas aset dinilai semula dalam hal mana ia dibawa kepada lebihan penilaian semula.

AB. Maklumat bersegmen

Pelaporan bersegmen dibentangkan bagi penilaian dipertingkatkan risiko-risiko dan pulangan Kumpulan memandangkan setiap segmen perniagaan atau geografi adalah tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berbeza daripada lain-lain segmen perniagaan atau geografi.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti adalah jumlah yang terhasil daripada kegiatan kendalian segmen yang secara langsung berpunca daripada segmen dan perkadarannya berkenaan yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada segmen.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti ditentukan sebelum baki dalam kumpulan dan urusniaga dalam kumpulan dihapus kira sebagai sebahagian daripada proses penyatuan, kecuali sehingga tahap bahawa baki dan urusniaga dalam kumpulan sedemikian adalah di antara perusahaan-perusahaan kumpulan dalam satu segmen.

AC. Liabiliti Kontigen

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontigen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontigen adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan melalui peristiwa-peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti kontigen juga timbul dalam keadaan-keadaan yang amat jarang berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh dikira secara munasabah.



NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Untuk tahun berakhir 31 Mac 2006

1. MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, operasi lebuhraya bertol dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 50 kepada penyata kewangan.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan penting dalam perniagaan perladangan melalui syarikat bersekutu perladangan milik 48%, IJM Plantations Berhad.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai pada Papan Utama Malaysia Securities Exchange Berhad.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Kumpulan menukar akhir tahun kewangannya daripada 31 Disember kepada 31 Mac dalam tempoh kewangan yang lepas. Selaras dengan itu, angka-angka bandingan bagi penyata pendapatan, perubahan dalam ekuiti, aliran tunai dan nota-nota berkaitan tidak boleh dibanding.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2006 masing-masing berjumlah 1,888 (31.12.2005: 2,059 dan 99 (31.3.2005: 98).

Penyata kewangan telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 30 Mei 2006.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan Kumpulan kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif keseluruhan pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk memastikan agar Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang-pemegang sahamnya. Kumpulan menumpukan kepada ketakbolehan diramal pasaran kewangan dan cuba untuk meminimumkan potensi kesan-kesan kurang baik ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Pengurusan risiko kewangan dijalankan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi-polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan kerap mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi-polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan pertukaran mata wang asing untuk melindung nilai pendedahan tertentu, tetapi ia tidak berdagang dalam instrumen kewangan.

Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya Dolar Amerika Syarikat, Dolar Australia, Dolar Singapura, Dolar Hongkong, Renminbi China, Rupee India Dolar New Zealand, Euro dan Peso Argentina, Pound Sterling dan Dirham UAE. Aset dan liabiliti didenominasikan dalam mata wang asing bersama-sama dengan jangkaan aliran tunai daripada urusniaga-urusniaga dijangkakan didenominasikan dalam mata wang asing membawa kepada pendedahan pertukaran asing.

Kumpulan mengekalkan pelindung nilai semulajadi, bila-bila mungkin, dengan meminjam dalam mata wang negara dalam mana harta atau pelaburan terletak atau dengan meminjam dalam mata wang yang menyamai dengan aliran hasil pada masa hadapan yang akan diperolehi daripada pelburannya. Pendedahan pertukaran asing dalam mata wang urusniaga selain daripada mata wang kefungsian entiti kendalian dikekalkan pada tahap boleh terima.

Pendedahan pertukaran asing urusniaga material dilindung nilai, terutamanya dengan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran asing hadapan.

Risiko kadar faedah

Pendapatan dan aliran tunai kendalian Kumpulan kebanyakannya bebas daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman dan deposit Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran berhemah kadar pinjaman tetap dan terapung. Instrumen-instrumen kewangan derivatif digunakan, di mana sesuai, untuk menghasilkan profil kadar faedah yang dihasratkan.

Risiko pasaran

Kumpulan menghadapi pendedahan kepada risiko daripada perubahan dalam harga hutang dan harga ekuiti. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan kerap menyemak risiko-risiko ini dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan potensi kesan risiko-risiko sedemikian.



2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

Risiko kredit

Risiko kredit timbul apabila instrumen-instrumen derivatif digunakan atau jualan dibuat atas terma-terma kredit. Kumpulan mengawal risiko-risiko ini melalui penggunaan prosedur-prosedur kelulusan kredit, had dan pengawasan. Risiko-risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan menghadkan seketat-ketatnya kaitan Kumpulan kepada rakan perniagaan dengan kebolehpercayaan kredit yang tinggi. Jumlah dagangan belum terima dikawal atas dasar berterusan melalui prosedur-prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Kumpulan tidak mempunyai apa-apa pendedahan penting kepada mana-mana pelanggan individu atau pihak satu lagi tidak juga ia mempunyai apa-apa penumpuan utama risiko kredit berkaitan dengan mana-mana instrumen kewangan.

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan jumlah dagangan belum terima adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan Kumpulan yang ramai, yang bertebaran dalam spektrum industri dan perniagaan yang luas. Sejarah pengalaman Kumpulan dalam pemungutan jumlah dagangan belum terima termasuk dalam peruntukan yang direkodkan. Akibat daripada faktor-faktor ini, pengurusan percaya bahawa tidak ada risiko kredit tambahan yang melepas jumlah dibenarkan bagi kerugian pemungutan terdapat dalam jumlah dagangan boleh terima Kumpulan.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan secara aktifnya menguruskan profil kematangan hutang Kumpulan, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pembiayaan untuk memastikan kesemua keperluan pembiayaan semula, bayaran balik dan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan berhemah Kumpulan, Kumpulan mengekalkan tahap mencukupi bagi tunai atau pelaburan boleh ditukar kepada tunai untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain daripada itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

3. HASIL KENDALIAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000
Hasil kontrak pembinaan	663,830	898,259	54,737	149,960
Hasil pembangunan harta	488,328	436,688	-	-
Jualan produk kuari dan produk dikilang	491,495	451,820	-	-
Hasil konsesi tol	10,323	4,792	-	-
Perkhidmatan pengurusan	5,154	3,181	2,719	129
Pendapatan dividen	5,491	5,725	51,985	32,442
Sewa harta	1,238	1,826	357	1,366
	1,665,859	1,802,291	109,798	183,897

Maklumat tambahan mengenai hasil kendalian Kumpulan termasuk bahagian hasil Kumpulan ke atas syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:-

	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000
Hasil kendalian Kumpulan	1,665,859	1,802,291
Bahagian daripada hasil kendalian:-		
Syarikat-syarikat bersekutu	322,443	465,861
Entiti kawalan bersama	99,831	157,887
	2,088,133	2,426,039



118

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

Untuk tahun berakhir 31 Mac 2006

4. KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000
Keuntungan kendalian sebelum kos kewangan dinyatakan selepas dicaj:-				
Sewa loji dan peralatan	2,454	1,869	-	-
Harta, loji dan peralatan:-				
- susut nilai	40,112	43,797	802	907
- penghapusan kira	119	78	-	-
- kerugian atas pelupusan	19	-	-	-
Sewa tanah dan bangunan	2,932	2,789	586	871
Imbuhan juruaudit:-				
- yuran bagi audit berkanun	908	931	211	230
- yuran bagi lain-lain perkhidmatan				
- PricewaterhouseCoopers, Malaysia	115	527	60	360
- Firma-firma PricewaterhouseCoopers International Limited selain daripada PricewaterhouseCoopers, Malaysia	54	40	-	-
- lain-lain juruaudit anak-anak syarikat	77	77	-	-
Kerugian pertukaran asing:-				
- tidak direalis	4,978	-	4,835	-
- direalis	592	-	-	-
Kerugian atas pelupusan syarikat bersekutu	2,633	-	-	-
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan disebut harga	2,309	6,787	784	4,945
Kerugian kerosotan atas pelaburan dalam:-				
- anak-anak syarikat	-	-	-	5,898
- syarikat-syarikat bersekutu	4,016	499	-	-
Pelunasan aset konsesi	8,108	3,841	-	-
Pelunasan perbelanjaan pembangunan kuari	2,758	2,625	-	-
Pelunasan premium dibayar ke atas hak kuari	70	88	-	-
Pelunasan yuran lesen	41	-	-	-
Pelunasan muhibah	113	311	-	-
Kerosotan muhibah	4,000	-	-	-
Pelunasan diskau ke atas terbitan bon	493	617	-	541
Pelunasan premium ke atas pembelian sekuriti boleh dipasar	356	416	-	-
Peruntukan bagi hutang ragu	7,210	3,234	-	2,572
Hutang lapuk dihapus kira	589	-	589	-
Stok bangunan dikurangkan nilai	247	1,755	-	1,315
Kos kontrak pembinaan	536,066	745,527	55,470	85,212
Kos pembangunan harta	367,897	305,845	-	-
Kos produk kuari dan produk dikilang dijual	419,148	342,355	-	-
Kos kakitangan*	81,834	102,353	9,709	14,687

4. KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000
dan dikreditkan:-				
Dividen kasar diterima daripada:-				
- anak-anak syarikat				
(disebut harga)	–	–	15,743	–
(tidak disebut harga)	–	–	34,158	21,653
- syarikat-syarikat bersekutu				
(disebut harga)	–	–	122	7,048
(tidak disebut harga)	–	–	97	996
- lain-lain pelaburan				
(disebut harga)	5,622	6,046	1,865	2,745
Pendapatan faedah	28,981	24,598	44,392	40,348
Laba pertukaran asing:-				
- tidak direalis	307	1,504	–	1,404
- direalis	510	363	–	–
Laba atas pelupusan harta, loji dan peralatan	5,096	2,021	387	18,113
Pendapatan sewa daripada harta	3,000	3,623	357	1,366
Hutang lapuk diperolehi semula	185	–	–	–
Kemasukan kira semula bagi hutang ragu	2,395	2,910	–	–
Kemasukan kira semula peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	–	292	–	–
Pelunasan muhibah negatif	406	150	–	–
Pelunasan pendapatan tertunda	3,285	1,563	–	–
Laba atas pelupusan saham dalam anak-anak syarikat	526	2,762	1,827	105,912
Laba atas pelupusan syarikat bersekutu	–	84	–	–
Laba atas pelupusan/pembubaran pelaburan	1,260	2,852	17	2,177

*Termasuk dalam kos kakitangan di atas bagi tahun kewangan adalah imbuhan Pengarah-pengarah seperti berikut:-

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000
Pengarah-pengarah Syarikat:-				
Yuran				
- Tahun/tempoh semasa	275	312	245	312
- Terkurang/(terlebih) peruntukan berhubung dengan tahun-tahun terdahulu	–	40	–	40
Pelan caruman persaraan dinyatakan	650	724	459	596
Pelan faedah persaraan dinyatakan	84	80	36	58
Lain-lain emolumen	4,120	4,427	2,593	3,755
Pengarah-pengarah anak-anak syarikat:-				
Yuran	148	75	–	–
Pelan caruman persaraan dinyatakan	186	411	–	–
Pelan caruman persaraan dinyatakan	60	130	–	–
Lain-lain emolumen	2,006	3,944	–	–

Anggaran nilai monetari faedah bukan berupa wang yang diberi kepada Pengarah-pengarah Kumpulan dan Syarikat melalui penggunaan aset Kumpulan dan Syarikat dan penyediaan faedah-faedah lain masing-masing berjumlah RM164,000 (Tempoh berakhir 31.3.2005: RM191,000) dan RM58,000 (Tempoh berakhir 31.3.2005: RM77,000).

Butir-butir pelan caruman dan pelan faedah dinyatakan Kumpulan dan Syarikat dikemukakan dalam Nota 19 kepada penyata kewangan.



NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

Untuk tahun berakhir 31 Mac 2006

4. KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tertentu Syarikat telah diberikan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama sebagaimana ditawarkan kepada lain-lain kakitangan Kumpulan (lihat Nota 10(b)) seperti berikut:-

Tarikh Pemberian	Tarikh Tamat	Harga Pelaksanaan RM/saham	Bilangan opsyen ke atas saham biasa					Baki pada 31.3.2006 '000
			Baki pada 1.4.2005 / tarikh pelantikan '000	Diberikan '000	Di-laksanakan '000	Ditamatkan '000		
8 Januari 2004	10 November 2008	3.99/3.96*	1,672	-	50	-	-	1,622
7 April 2004	10 November 2008	4.47/4.44*	804	-	-	-	-	840
30 April 2004	10 November 2008	4.39/4.36*	1,960	-	-	-	-	1,960
20 Mei 2004	10 November 2008	4.21/4.18*	600	-	100	-	-	500
30 Ogos 2005	10 November 2008	4.40	-	315	-	-	-	315
26 Oktober 2005	10 November 2008	4.23	-	593	-	-	-	593
			5,072	908	150	-	-	5,830

* Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan pada 30 April 2005 selaras dengan Undang-undang Kecil 14 Undang-undang Kecil ESOS (Lihat Nota 10(b)).

Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif Syarikat tertentu telah diperuntukkan waran di bawah Waran 2005/2010 seperti berikut:-

Tarikh Penamatian	Tarikh Pelaksanaan RM/share	Bilangan Waran					Baki pada 31.3.2006 '000
		Baki pada 23.8.2005 (tarikh peruntukan)/ tarikh pelantikan '000	Dibeli '000	Dilupuskan '000	31.3.2006 '000		
22 Ogos 2010	4.80	2,117	631	150	-	-	2,598

5. KOS KEWANGAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000
Perbelanjaan faedah timbul daripada:-				
- Pinjaman bank menanggung faedah	26,802	16,336	1,608	1,515
- Pendahuluan daripada anak-anak syarikat	-	-	5,458	5,521
- Sewa beli dan pemajakan	619	227	-	-
- Bon	8,000	18,801	-	8,800
- Nota Berjangka Sederhana ("MTN")	8,253	810	8,253	810
- Lain-lain	9,226	5,374	1,142	2,531
	-----	-----	-----	-----
	52,900	41,548	16,461	19,177
Tolak faedah dipermodalkan kepada:-				
- Aset konsesi (Nota 22)	(2,008)	-	-	-
- Kos harta pembangunan (Nota 29)	(2,049)	(303)	-	-
- Kerja kontrak pembinaan dalam pelaksanaan (Nota 38)	(31)	-	-	-
	-----	-----	-----	-----
	48,812	41,245	16,461	19,177
	=====	=====	=====	=====

6. CUKAI

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000
Cukai semasa:-				
- Cukai pendapatan Malaysia	(57,603)	(65,993)	(14,969)	(27,923)
- Cukai luar negeri	(14,272)	(3,408)	-	-
	-----	-----	-----	-----
(71,875)	(69,401)	(14,969)	(27,923)	
Cukai tertunda (Nota 17)	(4,554)	(9,933)	1,072	(368)
	-----	-----	-----	-----
(76,429)	(79,334)	(13,897)	(28,291)	
	=====	=====	=====	=====
Cukai semasa:-				
- Tahun/tempoh semasa	(72,552)	(70,141)	(15,107)	(28,056)
- Faedah daripada perbezaan sementara tidak diiktiraf sebelum ini	1,005	1,420	-	-
- (Terkurang)/terlebih akruan dalam tahun-tahun terdahulu (bersih)	(328)	(680)	138	133
	-----	-----	-----	-----
(71,875)	(69,401)	(14,969)	(27,923)	
Cukai tertunda:-				
- Pengasalan dan keterbalikan perbezaan sementara	(4,554)	(9,933)	1,072	(368)
	-----	-----	-----	-----
(76,429)	(79,334)	(13,897)	(28,291)	
	=====	=====	=====	=====



NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

Untuk tahun berakhir 31 Mac 2006

6. TAXATION (samb.)

Penerangan mengenai hubungan antara cukai dan keuntungan daripada kegiatan biasa sebelum cukai adalah seperti berikut:-

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.3.2006 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000
Keuntungan daripada kegiatan biasa sebelum cukai	259,774	283,809	62,251	216,876
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia sebanyak 28% (2005: 28%)	72,736	79,467	17,430	60,725
Kesan cukai ke atas:-				
- Kadar cukai berlainan di lain-lain negara	731	(1,283)	-	-
- Kadar cukai lebih rendah bagi syarikat kecil dan sederhana	(117)	(487)	-	-
- Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	10,449	5,923	1,380	3,239
- Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(9,150)	(4,489)	(4,775)	(35,540)
- Penggunaan insentif cukai	(1,541)	(5,465)	-	-
- Aset cukai tertunda tahun semasa tidak diiktiraf	4,646	8,565	-	-
- Penggunaan kerugian cukai tidak diiktiraf sebelum ini	(1,005)	(1,420)	-	-
- Lain-lain	(320)	(1,477)	(138)	(133)
Cukai	76,429	79,334	13,897	28,291

Termasuk dalam cukai Kumpulan adalah penjimatan cukai daripada penggunaan kerugian cukai seperti berikut:-

	SYARIKAT	
